

# MANUAL PROSEDUR KERJA [ JILID 1 ]



**JABATAN LAUT  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

## **PRAKATA**

Manual Prosedur Kerja (MPK) adalah merupakan dokumen rujukan bagi peringkat Jabatan/pejabat yang mengandungi fungsi dan objektif rasmi pejabat. Ia mengandungi prosedur-prosedur yang jelas serta pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab bagi melaksanakan tiap-tiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Dokumen ini adalah rujukan utama yang akan membantu Jabatan/pejabat berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Keterangan mengenai fungsi dan objektif rasmi yang sejelas-jelasnya dan diketahui secara dekat dan terperinci oleh setiap anggota Jabatan/pejabat akan membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Prosedur kerja yang terperinci serta penentuan tanggungjawab yang jelas pula akan juga membantu pegawai dan kakitangan menjalankan tugas masing-masing dengan lebih cekap dan teratur.

Manual Prosedur Kerja ini akan disemak dan dikaji dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya setahun sekali. Dokumen-dokumen ini juga perlu dikemaskini apabila timbul keperluan. Sebagai contohnya Manual Prosedur Kerja perlu dikemaskini apabila berlaku perubahan dalam dasar dan undang-undang kerajaan yang melibatkan Jabatan/pejabat tersebut. Dokumen ini juga perlu dikemaskini apabila wujud proses-proses atau tugas-tugas baru dalam Jabatan/pejabat hasil daripada penyemakan semula proses yang ada, penyusunan semula tugas atau struktur Jabatan/pejabat yang berkaitan.

Selaras dengan itu, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia telah menyediakan satu bentuk kawalan dokumen sepertimana yang telah dipraktikkan di dalam pegurusan persijilan ISO. Dengan adanya kawalan seperti ini, sebarang perubahan struktur dapat dipantau dan segala rekod dapat dikemaskini dengan lebih baik dan berkesan.

## **KONSEP MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK)**

Manual adalah merupakan dokumen rujukan peringkat Jabatan/pejabat. Ia mengandungi maklumat yang memberi gambaran menyeluruh mengenai Jabatan/pejabat seperti sejarah dan rasional penubuhan Jabatan/pejabat, objektif, fungsi, prosedur dan pegawai / kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan prosedur tersebut.

Maklumat mengenai sejarah dan rasional penubuhan Jabatan/pejabat akan membolehkan individu dalam Jabatan/pejabat mengetahui mengapa Jabatan/pejabat ditubuhkan dan apakah harapan-harapan Jabatan/pejabat terhadap mereka. Maklumat mengenai objektif dan fungsi utama Jabatan/pejabat pula akan membolehkan individu dalam Jabatan/pejabat mengetahui arah tuju yang perlu diikuti dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Penetapan fungsi Jabatan/pejabat serta pembahagian aktiviti yang jelas antara bahagian dan unit di bawah Jabatan/pejabat membolehkan setiap individu di dalam Jabatan/pejabat jelas mengenai parameter tugas masing-masing dengan tepat di samping mengetahui tugas-tugas bahagian/unit/individu lain dalam Jabatan/pejabat. Rangkaian prosedur dan pegawai/kakitangan bertanggungjawab yang ditunjukkan pula akan memberi gambaran yang jelas kepada individu mengenai langkah-langkah yang terlibat dalam semua aktiviti Jabatan/pejabat.

MPK mendokumentasikan secara sistematik susunan cara bekerja. Tiap-tiap kerja mempunyai proses dan peraturan yang tertentu. Kerja yang dijalankan dengan tidak mengikut proses dan peraturan yang ditetapkan boleh menimbulkan kelewatan, pembaziran masa dan ketidakcekapan. Bagi membolehkan kerja dibuat dengan tepat dan cekap, satu cara yang sistematik perlu diwujudkan. Adalah penting proses, peraturan, pegawai yang bertanggungjawab dan hubungan kerja di antara pegawai dikenal pasti, disusun dan dibukukan dengan jelas supaya ia dapat dijadikan sebagai bahan rujukan. Cara bekerja yang jelas dan teratur akan meningkatkan produktiviti Jabatan/pejabat. Bagi memudahkan rujukan, tiap-tiap Ketua Bahagian perlu dibekalkan dengan MPK.

Selain daripada sebagai alat pengurusan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan individu dan Jabatan/pejabat, MPK juga berguna sebagai alat latihan terutama kepada pegawai baru dilantik atau pegawai yang baru ditukarkan ke sesuatu Jabatan/pejabat. Biasanya pegawai-pegawai ini sukar memahami kerja baru mereka dan kerap kali mengambil masa yang panjang untuk mempelajari cara-cara menjalankan tugas. Didapati mereka banyak bergantung kepada pengalaman rakan-rakan yang terdahulu dan tiada satu dokumen rasmi yang menyenaraikan susunan kerja yang tertib untuk dirujuk.

## REKOD PINDAAN

<b>Pindaan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Huraian</b>
Butiran No. 6.2.1.19 Pengurusan Sistem Kedatangan Pegawai / Kakitangan	Mac 2007 (Sistem Elektronik)  Jun 2007 (Waktu Bekerja Berperingkat)	Proses Sistem Kedatangan Pegawai / Kakitangan Ibu Pejabat, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
Butiran No. 6.2.2.5 Penyediaan Baucer Bayaran (Amanah)	15 Januari 2007	Proses Penyediaan Baucer adalah melalui sistem eSPKB.
Butiran 6.2.1.23 Pengurusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) – Peperiksaan	Tahun 2007	Mulai tahun 2007, Peperiksaan PTK – Kompetensi Khusus sahaja yang dikendalikan oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.
Tiada	Tahun 2007	Penambahan baru. Proses Kerja 6.1.23(i) Pengurusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Peperiksaan – Kompetensi Umum yang dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.

## KANDUNGAN MANUAL PROSEDUR KERJA

<b>No.</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
	Prakata	1
	Konsep Manual Prosedur Kerja (MPK)	2
	Rekod Pindaan	3
	Kandungan Manual Prosedur Kerja	4
1.0	Sejarah Penubuhan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	5
2.0	Objektif & Visi	5
3.0	Carta Organisasi	9
4.0	Fungsi Utama	15
5.0	Aktiviti-Aktiviti Bagi Setiap Sub-Fungsi	19
	5.1 Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan	19
	5.2 Bahagian Khidmat Pengurusan	19
	5.3 Bahagian Kawalan Industri	23
	5.4 Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan	24
	5.5 Bahagian Keselamatan Pelayaran	25
6.0	Proses Kerja Bagi Setiap Aktiviti	27
	6.1 Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan	27
	6.2 Bahagian Khidmat Pengurusan	35
	6.3 Bahagian Kawalan Industri	128
	6.4 Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan	160
	6.5 Bahagian Keselamatan Pelayaran	186

# **MANUAL PROSEDUR KERJA JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA**

## **1.0 SEJARAH PENUBUHAN JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA**

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (JLSM) adalah sebuah agensi Kerajaan yang diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. JLSM ditubuhkan pada tahun 1952 iaitu selari dengan pengisytiharan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Tujuan utama penubuhan JLSM adalah bagi memastikan urusan keselamatan pelayaran di perairan negara dapat dikendalikan dengan cekap dan efisien.

Selaras dengan tujuan penubuhan JLSM itu, maka strategi-strategi berikut telah disusun oleh JLSM :-

- i. memastikan laluan dan alur pelayaran di perairan negara sentiasa berada dalam keadaan selamat;
- ii. melahirkan pelaut yang kompetan yang diiktiraf bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara;
- iii. memastikan keselamatan kapal-kapal dagang berada di tahap yang dibenarkan oleh perundangan negara dan konvensyen antarabangsa.

## **2.0 OBJEKTIF & VISI**

### **2.1 Objektif**

Menentukan satu sistem perhubungan laut yang selamat, aman, teratur dan konservasi laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

### **2.2 Visi**

Menjadikan Jabatan Laut sebagai agensi keselamatan maritim bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

## **2.3 Objektif Bahagian**

### **2.3.1 Pejabat Ketua Pengarah**

- Memastikan projek pembangunan Jabatan Laut dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menepati Rancangan Pembangunan Malaysia dengan jayanya.
- Memastikan bajet kewangan projek pembangunan diuruskan dengan jayanya di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia.

### **2.3.2 Bahagian Khidmat Pengurusan**

Memberikan satu perkhidmatan yang cekap, berkesan dan teratur kepada semua kakitangan atau aktiviti-aktiviti Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dalam bidang pengurusan sumber manusia, kewangan, aset dan sistem maklumat jabatan.

### **2.3.3 Bahagian Kawalan Industri**

- Memastikan proses dan prosedur-prosedur Pendaftaran Kapal dan Pelesenan Bot diurus dengan cekap, efisien dan sempurna dalam masa 7 hari bekerja.
- Memantau dan mengesahkan semua laporan pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan melalui sistem APCIS.
- Menyediakan tawaran kompaun dalam masa 3 hari bagi kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar.
- Memastikan bahawa pengurusan terhadap pencapaian piawaian teknikal yang optima bagi badan, jentera dan peralatan keselamatan bagi kapal Malaysia adalah layak belayar, selamat dan mematuhi Peraturan-Peraturan Konvensi dan Bukan Konvensi.
- Memastikan semua laporan siasatan kemalangan maritim yang perlu disiasat disediakan dalam masa tiga (3) bulan.
- Menentukan kesemua pengauditan di bawah sistem pengurusan keselamatan mencapai piawaian standard dalam masa tiga (3) bulan.
- Memastikan bot-bot Jabatan mengikut standard keselamatan Jabatan dengan pengauditan yang dibuat secara teratur dan efisien sekali (1) setahun.
- Memantau, menyelaras dan memastikan semua kemudahan pelabuhan di Malaysia yang menerima masuk kapal-kapal yang terlibat di dalam pelayaran antarabangsa mematuhi tahap sekuriti yang telah ditetapkan di bawah Kod ISPS.

#### **2.3.4 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan**

- Memastikan proses dan prosedur-prosedur pendaftaran pelaut diurus dengan cekap, efisien dan sempurna dalam masa lima (5) hari bekerja; dan memastikan Wisma-Wisma Pelaut dan program-program pembangunan dan kebajikan pelaut diurus dengan baik melalui Jawatankuasa Pusat Perdagangan Laut dengan pemantauan dibuat secara teratur tiga kali setahun.
- Memastikan semua perkhidmatan untuk setiap pelaut dapat diurus dalam tempoh satu (1) bulan dan melaksanakan program-program pembangunan dan kebajikan untuk pelaut-pelaut empat (4) kali setahun serta memastikan wisma-wisma pelaut diurus secara teratur dan efisien dengan pemantauan (2) kali setahun.
- Memastikan Institusi Latihan Pelaut dan kursus-kursus yang dikendalikan mematuhi standard antarabangsa yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dalam masa sembilan puluh (90) hari.
- Mengeluarkan Sijil Keanggotaan Selamat dengan cara yang sistematik dan efisien serta mematuhi Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Keanggotaan) 1999 dalam masa sepuluh (10) hari bekerja.
- Memastikan pengamal perubatan yang membuat pemeriksaan perubatan ke atas pelaut bagi tujuan berkhidmat atas kapal adalah layak dan mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Pemeriksaan Perubatan) 1999 dengan mengeluarkan Sijil Pengamal Perubatan dalam masa sepuluh (10) hari bekerja.
- Memastikan semua pengurusan bagi peperiksaan lisan Perakuan Kekompetenan Pelaut dapat dilaksanakan dengan mematuhi sekurang-kurangnya dua belas (12) kali setahun bagi dek dan enjin.
- Memastikan proses permohonan pengeluaran Perakuan Kekompetenan Pelaut dapat dilaksanakan dengan mematuhi Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dan Konvensyen STCW 1995 dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja dari permohonan diterima.
- Mengeluarkan sijil kursus modular yang dijalankan di Institut Latihan yang diiktiraf oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia di bawah Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dan Konvensyen STCW 1995 dalam masa tujuh (7) hari bekerja selepas data kursus dan peserta dimasukkan ke dalam Sistem Pengeluaran Sijil Modular oleh Institut Latihan tersebut.
- Memastikan pengurusan dan pembangunan pelabuhan dan jeti di bawah bidangkuasa Jabatan Laut Semenanjung Malaysia sentiasa terurus dengan mengendalikan pemantauan di Pejabat-Pejabat Pelabuhan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.



- Memastikan permohonan menjalankan perdagangan tukar barang dikemukakan ke Jawatankuasa Teknikal Kemudahan Tukar Barang di Pelabuhan dan Jeti Antara Malaysia dengan Negara-Negara ASEAN sekurang-kurangnya sebulan dari tarikh penerimaan.

### **2.3.5 Bahagian Keselamatan Pelayaran**

- Menentukan satu sistem pelayaran yang teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan keselamatan pelayaran dan mencegah kemalangan laut di dalam perairan Malaysia serta menyediakan satu sistem pencegahan dan melawan pencemaran marin yang cekap dan efektif bagi tujuan konservasi laut.

## **4.0 Fungsi Utama**

### **4.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**

4.1.1 Fungsi-fungsi utama Jabatan Laut Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut :-

- i. menentukan laluan dan alur pelayaran di perairan negara sentiasa berada dalam keadaan selamat.
- ii. menentukan kapal-kapal dagang berada di tahap keselamatan yang dibenarkan oleh perundangan negara dan konvensyen antarabangsa.
- iii. menentukan pelaut yang dilatih adalah kompetan dan diiktiraf di dalam negara dan di luar negara;

4.1.2 Fungsi utama berkenaan dilaksanakan oleh bahagian-bahagian yang berikut:-

- i. Pejabat Ketua Pengarah Laut
- ii. Bahagian Khidmat Pengurusan
- iii. Bahagian Kawalan Industri
- iv. Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan
- v. Bahagian Keselamatan Pelayaran

4.2 Bagi memastikan fungsi tersebut dapat dicapai dengan jayanya, maka bahagian-bahagian seperti yang terdapat pada para 4.1.2 di atas telah dibahagikan kepada beberapa unit. Fungsi yang dimainkan oleh setiap unit tersebut adalah seperti berikut :-

#### **4.2.1 Pejabat Ketua Pengarah Laut**

##### ***i. Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan***

- Merancang pembangunan Jabatan Laut supaya menepati kehendak Rancangan Malaysia 5 tahun.

#### **4.2.2 Bahagian Khidmat Pengurusan**

##### ***i. Unit Pengurusan Sumber Manusia***

- Melaksanakan rancangan pembangunan sumber manusia supaya sumber manusia di Jabatan Laut sentiasa peka dan mahir dengan peredaran masa.

##### ***ii. Unit Pengurusan Kewangan dan Akaun Amanah***

- Memastikan urusan kewangan dan pengurusan aset Jabatan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

##### ***iii. Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik***

- Memberi perkhidmatan teknologi maklumat bagi Jabatan.

#### **4.2.3 Bahagian Kawalan Industri**

##### ***i. Unit Penguatkuasaan ISPS Code***

- Urusan pengeluaran sijil Statement of Compliance dan verifikasi tidak berjadual bagi kemudahan pelabuhan di Malaysia di bawah kod ISPS

##### ***ii. Unit Akreditasi Kapal***

- Urusan pengeluaran sijil-sijil statutori bagi kapal-kapal Malaysia supaya berada dalam keadaan layak belayar dan mematuhi peraturan-peraturan Konvensi dan Bukan Konvensi

##### ***iii. Unit Pendaftaran Kapal***

- Urusan penyelarasan proses dan prosedur-prosedur Pendaftaran Kapal dan Pelesenan Bot supaya diurus dengan cekap, efisien dan sempurna berlandaskan perundangan yang berkuatkuasa.

##### ***iv. Unit Pengurusan Keselamatan Kapal***

- Urusan pengeluaran sijil Document of Compliance dan verifikasi tahunan bagi syarikat perkapalan dan kapal Malaysia berlandaskan kod ISM

#### **4.2.4 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan**

##### ***i. Unit Peperiksaan & Perakuan Pelaut***

- Mengurus permohonan bagi tujuan peperiksaan kekompetenan, perakuan kekompetenan dan sijil-sijil kursus modular bagi pelaut-pelaut berdaftar di Malaysia serta urusan pelaut asing mengikuti pengajian di institusi latihan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

##### ***ii. Unit Penilaian & Standard Latihan***

- Memastikan institusi latihan pelaut Malaysia dan pelaut-pelaut yang mengendalikan kapal yang berdaftar di Malaysia telah mencapai standard yang ditetapkan oleh kerajaan dan Pertubuhan Maritim Antarbangsa.

##### ***iii. Unit Pembangunan Pelaut***

- Mengurus perkhidmatan untuk pelaut-pelaut dengan perancangan pembangunan dan program kebajikan melalui pengurusan dana Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut yang cekap dan teratur.

##### ***iv. Unit Pengurusan Pelabuhan, Kargo & Barter Trade***

- Mengurus dan memantau hal ehwal berkaitan pelabuhan, jeti, dan terminal termasuk perkhidmatan feri, kargo dan urusan perdagangan tukar barang di bawah bidangkuasa Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.

#### **4.2.5 Bahagian Keselamatan Pelayaran**

##### ***i. Unit Perkhidmatan Trafik Maritim***

- Mempertingkatkan keselamatan pelayaran dan memudahkan pergerakan kapal di perairan Malaysia bagi melindungi persekitaran laut serta membantu dalam operasi Mencari dan Menyelamat.

##### ***ii. Unit Kontingensi Maritim***

- Menyediakan satu sistem pencegahan dan melawan pencemaran marin yang cekap dan efektif bagi tujuan konservasi laut di Perairan Malaysia

##### ***iii. Unit Keselamatan Pelayaran***

- Menentukan satu sistem keselamatan maritim yang cekap dan efektif bagi mewujudkan rangkaian pelayaran yang selamat di muara-muara sungai

##### ***iv. Unit Bantuan Pelayaran***

- Untuk memastikan alat bantuan pelayaran di bawah tanggungjawab Jabatan Laut dapat beroperasi dengan berkesan dan mencapai tahap ketersediaan yang ditetapkan menurut garis panduan International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authority.

## **5.0 Aktiviti-Aktiviti (Mengikut Bahagian & Unit)**

### **5.1 Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan**

- Perancangan Projek-projek Pembangunan
- Laporan Projek-projek Pembangunan
- Pengurusan Peruntukan Pembangunan
- Pengurusan Bajet Pembangunan Tahunan
- Pemberimilikan/Pengambilan Tanah untuk Projek Pembangunan
- Perlantikan Juruperunding

### **5.2 Bahagian Khidmat Pengurusan**

#### **5.2.1 Unit Pengurusan Sumber Manusia**

- Pengurusan Pelantikan Pegawai Baru
- Pengurusan Pengambilan Kakitangan Kumpulan Sokongan 2
- Pengurusan Perakuan & Kelulusan Pengesahan Tarikh Lantikan
- Pengurusan Perakuan & Kelulusan Pengesahan dalam Perkhidmatan
- Pengurusan Perakuan dan Kelulusan Penanggung Kerja
- Pengurusan Terima Sijil Gaji Akhir (LPC) Bagi Pegawai Bertukar Masuk ke JLSM
- Pengurusan Pertukaran Pegawai/Kakitangan JLSM
- Pengurusan Peletakan Jawatan oleh Pegawai/Kakitangan
- Pengurusan Pemangkuan/Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional
- Pengurusan Pemangkuan/Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan
- Pengurusan Latihan di dalam dan Luar Negeri untuk Pegawai/Kakitangan
- Pengurusan Persaraan Wajib/Pilihan bagi Pegawai/Kakitangan
- Pengurusan Lembaga Tatatertib Jabatan
- Pengurusan Pengisytiharan Harta
- Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan
- Pengurusan Pentadbiran/Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
- Pengurusan Mesyuarat Majlis bersama Jbatan
- Pengurusan Peperiksaan Panel Subjek Jabatan
- Pengurusan Permohonan Peperiksaan dalam Perkhidmatan Gunasama
- Pengurusan Sistem Kedatangan Pegawai/Kakitangan
- Pengurusan Sistem Fail Jabatan

- Pengurusan Penganjuran Kursus
- Pengurusan Penilaian Tahap Kecekapan (Kursus)
- Pengurusan Penilaian Tahap Kecekapan (Peperiksaan)
- Pengurusan Bilik Mesyuarat
- Pengurusan Pinjaman Kenderaan/Komputer & Perumahan
- Pengurusan Semua Jenis Cuti
- Pengurusan Surat-surat Rasmi Jabatan
- Pengurusan Pengambilan Anak-Anak Kapal
- Pengurusan Pembayaran Gaji Anak-Anak Kapal
- Pengurusan Pembayaran Elaun Lebih Masa Anak-Anak Kapal
- Pengurusan Penamatan Perkhidmatan Anak-Anak Kapal
- Pengurusan Buku Perkhidmatan Untuk Anak-Anak Kapal
- Pengurusan Bayaran Bonus dan Lain-Lain Kemudahan Anak-Anak Kapal

## **5.2.2 Unit Pengurusan Kewangan dan Akaun Amanah**

### **5.2.2.1 Bajet**

- Penyediaan Bajet Mengurus
- Menguruskan Pindah Peruntukan
- Penyediaan Waran Peruntukan Kecil

### **5.2.2.2 Pembayaran**

- Penyediaan Baucer Bayaran Persekutuan
- Penyediaan Baucer Bayaran Amanah
- Perakaunan Perbelanjaan (Penyesuaian   Vot)  
Persekutuan
- Perakaunan Perbelanjaan (Penyata Penyesuaian   Vot)  
Amanah
- Pengurusan Permohonan Pendahuluan Diri
- Pengurusan Panjar Wang Runcit

### **5.2.2.3 Kutipan/Terimaan**

- Terimaan Hasil/Amanah
- Perakuan Terimaan Hasil Persekutuan (Penyesuaian terimaan)
- Perakaunan Terimaan Amanah (Penyesuaian akaun)
- Pengurusan Akaun Deposit Ibu Pejabat
- Pengurusan Akaun Deposit (WJP) Peringkat Ibu Pejabat
- Pengurusan Akaun Deposit (Tender) Peringkat Ibu Pejabat/Cawangan

### **5.2.2.4 Perolehan**

- Pengurusan Pelawaan Tender
- Mengurus Perolehan Secara Sebutharga
- Mengurus Perolehan Secara Belian Terus
- Penyediaan Dokumen Kontrak  
Bekalan/Perkhidmatan/Kerja/Sewaan

### **5.2.2.5 Pelaburan**

- Pengurusan Pelaburan Wang Amanah

### **5.2.2.6 Pengurusan Aset dan Stok**

- Penyediaan Laporan Verifikasi Stok
- Pengurusan Pelupusan Aset Kerajaan
- Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan
- Penyediaan Sistem Kawalan Harta  
Modal/Inventori/Bekalan Pejabat
- Pengeluaran Barang-Barang Stor



### **5.2.3 Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik**

#### **5.2.3.1 Perancangan & Perolehan ICT**

- Pelan Maklumat Strategik Jabatan (ISP)
- Menyediakan Kertas Permohonan ICT
- Urusetia Jawatankuasa ICT
- Perolehan Perkakasan/Perisian/rangkaian
- Perolehan Stok Bekalan Pejabat (Komputer)
- Pelupusan Perkakasan Komputer
- Penyediaan Bajet
- Latihan ICT/Aplikasi
- Penyelenggaraan Portal / Laman Web
- Penyelenggaraan Sistem SmartCard

#### **5.2.3.2 Pembangunan dan Penyelenggaraan Aplikasi Sistem**

- Proses Kajian/ Analisa Keperluan Sistem
- Proses Rekabentuk/ Pembangunan Sistem
- Proses Pengujian Sistem
- Proses Pelaksanaan Sistem
- Proses Peningkatan / Perubahan Sistem
- Proses Pembinaan Pangkalan Data
- Proses Penyelenggaraan Pengguna
- Proses Membaikpulih Perkakasan/Perisian
- Proses Pembangunan Aturcara

#### **5.2.3.3 Operasi Sistem, Rangkaian dan Keselamatan ICT**

- Proses Backup Sistem
- Proses Restore Sistem/Data
- Proses Start-up LAN / WAN
- Proses Shut-down LAN / WAN
- Penyelenggaraan Rangkaian
- Penyelenggaraan Pengguna E-Mel
- Penyelenggaraan Servis E-mel
- Penyelenggaraan Virus dan Spam
- Keselamatan Rangkaian, Komputer dan Data

### 5.3 *Bahagian Kawalan Industri*

#### 5.3.1 *Unit Penguatkuasaan ISPS Code*

- Urusan Pengeluaran sijil Statement of Compliance di bawah Kod ISPS
- Urusan verifikasi tidak berjadual dan pengendosan sijil Statement of Compliance di bawah Kod ISPS
- Urusan Aktiviti Pemeriksaan Bot-Bot Berlesen Serta Siasatan & Pendakwaan untuk Kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952
- Aktiviti pemeriksaan / perondaan dengan agensi-agensi maritim kebangsaan yang lain
- Pengurusan, Pemantauan, Penyelenggaraan & Pelupusan Bot / Kapal Jabatan.

#### 5.3.2 *Unit Akreditasi Kapal*

- Urusan Semakan & Kelulusan Pelan-Pelan Kapal.
- Urusan Pemeriksaan & Pengeluaran Sijil Kapal / Bot
- Urusan Pengauditan Stesyen Menyelenggara Rakit Keselamatan
- Ujian Jentera dan Alat Pelayaran
- Urusan Pengiraan Tanan, Keseimbangan Statik (Hydrostatic) & Garis Beban Kapal/Bot.
- Urusetia Ketua Pemeriksa Kapal
- Urusan Pemeriksaan Kawalan Negara dan Bendera Kapal-Kapal Konvensi & Bukan Konvensi

#### 5.3.3 *Unit Pendaftaran Kapal*

- Pengurusan, Penyelarasan dan Pemeriksaan Pendaftaran Kapal di bawah Bahagian IIA, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.
- Pengurusan, Penyelarasan dan Pemeriksaan Pendaftaran Kapal di bawah Malaysia International Ship Registry (MISR).
- Pengurusan, Penyelarasan dan Pemeriksaan Pendaftaran Kapal Layar di bawah Langkawi International Yacht Registry (LIYR).
- Pengurusan, Penyelarasan dan Pemeriksaan Pendaftaran Kapal di bawah *Terminable Ship Registry* (TSR).
- Pemeriksaan dan Pengeluaran Sijil Penginapan Anak-Anak Kapal (*Crew Accomodation*)
- Mengurus dan Penyelarasan Pelesenan Bot
- Khidmat Teknikal untuk Agensi Kerajaan
- Urusetia Pendaftar Besar Kapal-Kapal.

#### **5.3.4 Unit Pengurusan Keselamatan Kapal**

- Pengurusan Pengauditan, Penyelarasan & Pengeluaran Sijil Kepatuhan Kod Sistem Pengurusan Keselamatan (ISM).
- Penyiasatan Kemalangan Maritim
- Pengurusan Pengauditan Keselamatan Kapal/Bot Jabatan.

### **5.4 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan**

#### **5.4.1 Unit Peperiksaan & Perakuan Pelaut**

- Mengurus Pengeluaran Perakuan Kekompetenan
- Mengurus pengeluaran Perakuan Kekompetenan (Elektronik)
- Mengurus Peperiksaan Perakuan Kekompetenan
- Urusan Kelulusan Sijil-sijil Kursus Modular
- Urusan Kelulusan Pengajian Pelaut Asing

#### **5.4.2 Unit Penilaian & Standard Latihan**

- Menjalankan Penilaian dan Auditan terhadap Institut-Institut Latihan Pelaut serta Kursus-Kursus yang Dikendalikan
- Menyemak dan Mengeluarkan Perakuan Pengiktirafan bagi Pelaut-Pelaut Tempatan dan Asing yang Ingin Berkhidmat di atas Kapal-Kapal yang Berdaftar di Malaysia
- Menyemak dan Mengeluarkan Sijil Pengamal Perubatan untuk Menjalankan Pemeriksaan Perubatan ke atas Pelaut-Pelaut yang ingin Berkhidmat di atas Kapal-Kapal yang Berdaftar di Malaysia
- Menyemak dan Mengeluarkan Sijil Keanggotaan Selamat bagi Kapal-Kapal yang Berdaftar di Malaysia
- Penyediaan Perjanjian persefahaman di antara Negara-Negara dalam Senarai Putih di bawah Konvensyen Antarabangsa bagi Standard Latihan, Perakuan dan Pengawasan bagi Pelaut-Pelaut 1978 (Pindaan 1995)

#### **5.4.3 Unit Pembangunan Pelaut**

- Pengurusan Perkhidmatan Pelaut
- Pengurusan Program Pembangunan Pelaut
- Pengurusan Wisma-Wisma Pelaut dan Kebajikan Pelaut
- Pengurusan Bantuan Kewangan dan Kebajikan Pelaut

#### ***5.4.4 Unit Pengurusan Pelabuhan, Kargo & Barter Trade***

- Proses Kerja bagi Permohonan Penyewaan Terminal / Jeti / Premis Milik Jabatan
- Proses Kerja bagi Pengwartaan Had Pelabuhan
- Urusetia Jawatankuasa Teknikal Perdagangan Tukar Barang di Pelabuhan dan Jeti antara Malaysia dengan Negara-Negara ASEAN
- Permohonan Mendapatkan Katalaluan dan User-ID bagi Sistem Online Port Clearance
- Permohonan Memulakan Operasi Perkhidmatan Feri (Destinasi Baru)

### ***5.5 Bahagian Keselamatan Pelayaran***

#### ***5.5.1 Unit Perkhidmatan Trafik Maritim***

- Urusan kapal yang melapor ke klang VTS.
- Urusan menangani kecemasan di laut.
- Urusan pengawasan kapal-kapal yang tidak mematuhi peraturan lalu lintas di Selat Melaka.
- Urusan Penyiaran maklumat Perkapalan

### **5.5.2 *Unit Kontingensi Maritim***

- Latihan dan Penyediaan Kontingensi.
- Menyelaras Penyiasatan Kejadian Pencemaran.
- Menyelaras dan Merancang Pengawasan Pencemaran Laut.
- Menyelaras Berhubung Pencemaran Laut dengan Agensi Lain.
- Menyelaras Berhubung Penerimaan Bangkai Kapal dan Kapal Karam Bersejarah.
- Penyediaan dan Penyelenggaraan Rancangan Kontingensi Maritim.
- Menyelaras Berhubung Pemindahan Muatan dari Kapal-Ke-Kapal (STS).
- Menyelaras dan Menyediakan Pengeluaran Sijil Perakuan Insuran 1992 (CLC 1992).

### **5.5.3 *Unit Keselamatan Pelayaran***

- Perancangan dan pelaksanaan ukur hidrografi.
- Pengurusan aktiviti pengerukan.

### **5.5.4 *Unit Bantuan Pelayaran***

- Penyediaan Penentuan Teknikal bagi Tawaran Tender Alat Bantuan Pelayaran.
- Penyelarasan Projek-Projek Pembinaan Alat Bantuan Pelayaran.
- Penyelenggaraan/Pembaikan Alat Bantuan Pelayaran.
- Pengeluaran Notis kepada Pelaut.

## 6.0 Proses Kerja bagi setiap aktiviti-aktiviti

### 6.1 Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan

#### 6.1.1 Perancangan Projek-projek Pembangunan.

Jawatan	Proses
	<b><i>1. Perancangan Projek-projek Pembangunan Yang Dilaksanakan Oleh Agensi Pelaksana.</i></b>
PL / JL	Penyediaan / menerima kertas ringkasan projek ( <i>project brief</i> ).
KPP	Penyemakan kertas ringkasan projek.
TKP	Pemberian kelulusan kertas ringkasan projek.
PPL	Menghantar kertas ringkasan projek kepada Agensi Pelaksana untuk penyediaan lukisan konsep.
Agensi Pelaksana	Penyediaan lukisan konsep.
KPP	Menerima lukisan konsep daripada Agensi Pelaksana.
KPP	Perbincangan dengan Jawatankuasa Projek untuk proses kelulusan lukisan konsep.
PL / JL	Jika tidak diluluskan, lukisan konsep dikembalikan kepada Agensi Pelaksana untuk pindaan.
KPP	Jika diluluskan, dimaklumkan kepada Agensi Pelaksana untuk penyediaan rekabentuk (senibina / mekanikal / elektrik).
Agensi Pelaksana	Penyediaan rekabentuk.
TKP	Menerima rekabentuk daripada Agensi Pelaksana.
KPP	Perbincangan dengan Jawatankuasa Projek untuk proses kelulusan rekabentuk.
PL / JL	Jika tidak diluluskan, rekabentuk dikembalikan untuk pindaan.
TKP	Jika diluluskan, Agensi Pelaksana diarahkan untuk mengeluarkan tender.
Agensi Pelaksana	Mengeluarkan tender.

### 6.1.2 Perancangan Projek-projek Pembangunan

Jawatan	Proses
	<p><b>2. Perancangan Projek-projek Pembangunan Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Sendiri.</b></p>
<p>PL / JL</p>	<p>Menyediakan spesifikasi teknikal.</p>
<p>KPP</p>	<p>Menyemak spesifikasi teknikal.</p>
<p>TKP</p>	<p>Meluluskan spesifikasi teknikal.</p>
<p>Unit Pengurusan Kewangan &amp; Akaun Amanah</p>	<p>Penyediaan dokumen tender dan mengiklankan di suratkhbar bersama-sama kriteria yang diperlukan.</p>
<p>Jawatankuasa Penilaian Teknikal &amp; Kewangan Tender</p>	<p>Proses penilaian teknikal dan kewangan tender akan dijalankan.</p>
<p>Unit Pengurusan Kewangan &amp; Akaun Amanah</p>	<p>Laporan Penilaian Tender dan Pengsyoran Tender akan dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia.</p>
<p>Kementerian Pengangkutan Malaysia</p>	<p>Kementerian Pengangkutan Malaysia akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan untuk meluluskan tawaran tender dan penender yang berjaya.</p>
<p>KPL</p>	<p>Pejabat Ketua Pengarah Laut akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada penender yang berjaya.</p>
<p>Kontraktor</p>	<p>Pihak kontraktor akan melaksanakan projek.</p>

### 6.1.3 Laporan Projek-projek Pembangunan.

Jawatan	Proses
<p>Agensi Pelaksana / Wakil Penguasa Projek / Wakil Pengarah Projek</p> <p>PPL</p> <p>PL / JL</p> <p>PPL</p> <p>Kementerian Pengangkutan Malaysia</p>	<p><b>1. Laporan Projek-projek Pembangunan.</b></p> <p>Menyediakan data dan maklumat terkini.</p> <p>Dapatkan / menerima data terperinci daripada Agensi Pelaksana, Agensi Pusat, Wakil Penguasa Projek, Wakil Pengarah Projek dan pihak terlibat berhubung setiap projek pembangunan (PMS II dan Format ICU).</p> <p>Akan membuat penyemakan data dan maklumat yang diterima dari Agensi Pelaksana, Agensi Pusat, Wakil Penguasa Projek, Wakil Pengarah Projek dan pihak terlibat.</p> <p>Penyediaan dan pengemaskinian laporan mingguan fizikal dan kewangan projek-projek pembangunan Jabatan mengikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem Pemantauan Projek II (PMS II)</li> <li>ii. Laporan prestasi pembangunan projek (Format ICU)</li> </ul> <p>Masukkan data berkenaan ke dalam Sistem Pemantauan Projek II (PMS II).</p> <p>Kemaskini data setiap minggu / bulanan dan mengemukakan laporan Format ICU kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia.</p> <p>Akan membuat pemantauan projek pembangunan berdasarkan maklumat daripada laporan Format ICU dan PMS II.</p>



#### 6.1.4 Pengurusan Peruntukan Pembangunan

Jawatan	Proses
	<p><b>1. Pengurusan Peruntukan Pembangunan (pengeluaran sub waran)</b></p>
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Mengeluarkan waran pembangunan tahunan.
Unit Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah	Waran pembangunan tahunan yang diterima akan direkodkan ke dalam buku vot berkomputer.
PL	Menyediakan sub waran kepada Agensi Pelaksana.
TKP	Meluluskan pengeluaran sub waran kepada Agensi Pelaksana.
Unit Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah	Pengeluaran sub waran kepada Agensi Pelaksana akan direkodkan ke dalam buku vot berkomputer.
PL	Mengemukakan sub waran kepada Agensi Pelaksana.
Agensi Pelaksana	Menerima sub waran.
	<p><b>2. Pengurusan Peruntukan Pembangunan (tambahan peruntukan)</b></p>
Agensi Pelaksana	Memohon tambahan peruntukan kepada Jabatan Laut.
KPP	Menerima permohonan tambahan peruntukan.
PL	Membuat penyemakan peruntukan Jabatan.
PL	Jika tiada peruntukan, justifikasi pindahan peruntukan akan disediakan.
KPP	Membuat penyemakan justifikasi pindahan peruntukan.
TKP	Meluluskan justifikasi pindahan peruntukan.
KPP	Mengemukakan permohonan pindahan peruntukan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia.
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Mengeluarkan waran pindahan peruntukan.

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Unit Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah	Waran peruntukan yang diterima akan direkodkan ke dalam buku vot berkomputer.
PL	Menyediakan sub waran peruntukan.
KPP	Menyemak sub waran peruntukan.
TKP	Memberi kelulusan sub waran peruntukan.
Unit Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah	Pengeluaran sub waran peruntukan akan direkodkan ke dalam buku vot berkomputer.
Agensi Pelaksana	Menerima sub waran peruntukan.

### 6.1.5 Pengurusan Bajet Pembangunan Tahunan

Jawatan	Proses
	<b><i>1. Pengurusan Bajet Pembangunan Tahunan</i></b>
PL	Membuat penyemakan perbelanjaan setiap projek berdasarkan siling dan perbelanjaan tahun sebelumnya.
PL	Menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan.
KPP	Membuat penyemakan anggaran perbelanjaan tahunan.
TKP	Meluluskan anggaran perbelanjaan tahunan.
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Membuat pemeriksaan anggaran perbelanjaan.
PL	Jika tidak lulus atau ada pindaan, proses akan bermula semula untuk penyediaan atau pembetulan semula anggaran perbelanjaan tahunan.
Kementerian Kewangan Malaysia	Jika diluluskan, akan membuat kelulusan anggaran perbelanjaan tahunan.

### 6.1.6 Pemberimilikan/Pengambilan Tanah Untuk Projek Pembangunan

Jawatan	Proses
	<b><i>1. Pemberimilikan/Pengambilan Tanah Untuk Projek Pembangunan</i></b>
KPP	Mengenal pasti tapak yang ingin dipohon oleh pihak Jabatan.
TKP	Meluluskan tapak yang telah dikenal pasti oleh pihak Jabatan.
PL / JL	Mendapatkan sebutharga bagi proses pengukuran tanah tersebut daripada pihak juruukur perunding.
PL / JL	Menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan Perunding Peringkat Agensi (JPPPA) – Arahan SPP 3/95.
TKP	Mengadakan mesyuarat JPPPA untuk memilih juruukur perunding berdasarkan sebutharga yang diperolehi.
Unit Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah	Mengeluarkan Pesanan Tempatan (L.O) kepada juruukur perunding yang berjaya.
Juruukur Perunding	Juruukur perunding menghantar pelan pemberimilikan / pengambilan tanah ke Jabatan setelah proses pengukuran di tapak selesai.
KPP	Semak pelan pengukuran tanah.
PL	Pelan pemberimilikan / pengambilan tanah sebanyak 8 salinan beserta Jadual 1 / Lampiran B dimajukan ke Kementerian Pengangkutan Malaysia.
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Permohonan pemberimilikan / pengambilan tanah dimajukan kepada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) untuk dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG).
JKPTG	Mengemukakan permohonan pemberimilikan / pengambilan tanah kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG).
PTG	Mengemukakan permohonan pemberimilikan / pengambilan tanah kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD).
PTD	Kelulusan akan diproses dan bayaran premium tanah akan dikemukakan kepada pihak Jabatan.
KPP	Bayaran premium tanah akan dilaksanakan.

### 6.1.7 Perlantikan Juruperunding

Jawatan	Proses
	<p><b>1. Perlantikan Juruperunding</b></p>
PL / JL	Menyediakan terma rujukan projek.
KPP	Membuat penyemakan terma rujukan projek.
TKP	Meluluskan terma rujukan projek.
PPL	Menyediakan permohonan perlantikan perunding, senarai bandingan perunding dan profil syarikat.
PPL	Menghantar permohonan terma rujukan projek dan perlantikan perunding ke Kementerian Pengangkutan Malaysia.
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa untu memuktamadkan dan meluluskan perlantikan perunding.
KPL	Mengeluarkan Surat Niat kepada juruperunding.
Juruperunding	Mengemukakan cadangan teknikal dan kewangan kepada pihak Jabatan.
TKP	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Teknikal dan Harga dengan pihak juruperunding.
PL / JL	Menyediakan Minit Mesyuarat dan Laporan Mesyuarat Rundingan Teknikal dan Harga. Seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia.
Kementerian Pengangkutan Malaysia / Kementerian Kewangan Malaysia	Jika rundingan harga kurang dari RM 1 juta, Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Kementerian Pengangkutan Malaysia akan diadakan untuk memuktamadkan dan meluluskan hasil rundingan. Manakala, jika rundingan harga lebih daripada RM 1 juta, Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kewangan Malaysia akan diadakan untuk memuktamadkan dan meluluskan hasil rundingan.
KPL	Mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pihak juruperunding.

## 6.2 Bahagian Khidmat Pengurusan

### 6.2.1 Unit Pengurusan Sumber Manusia

#### 6.2.1.1 Pengurusan Pelantikan Pegawai Baru

Jawatan	Proses
KPP (PSM)	Pegawai baru lapor diri dan pastikan pegawai mengemukakan surat tawaran dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Dapatkan juga salinan Buku Akaun Bank pegawai bagi tujuan pembayaran gaji.
PPTN32	Kemukakan dokumen-dokumen berikut untuk diisi oleh pegawai:  <ul style="list-style-type: none"><li>I. Borang butir-butir peribadi Maklumat Pengurusan Personel</li><li>II. Borang Pengisytiharan Harta</li><li>III. Surat Aku Janji</li><li>IV. Borang Tapisan Keselamatan-untuk Gred 27 ke atas – 2 salinan</li><li>V. Borang Akta Rahsia Rasmi 1972</li></ul>
PTN1	Buka Buku Perkhidmatan dan Fail Peribadi Pegawai (Masukkan nama, nombor kad pengenalan, tarikh, tempat lahir dan lain-lain maklumat yang diperlukan ke dalam Buku Perkhidmatan
PPTN26	Tentukan penempatan pegawai mengikut kekosongan yang terdapat dalam Waran Perjawatan
PPTN32	Sediakan Surat Penempatan pegawai dan dapatkan tandatangan pihak pengurusan
PTN1	Serahkan surat penempatan yang telah ditandatangani kepada pegawai
PPTN32	Sediakan Laporan Perubahan (Kew 8) dan ditandatangani sebagai pengesahan
PTN1	Rekod Laporan Perubahan (Kew 8), pengisytiharan harta, surat aku janji dan Akta Rahsia Rasmi 1972 ke dalam Buku Perkhidmatan Pegawai
PPTN26	Kemukakan Laporan Perubahan (Kew 8) beserta sesalinan Buku Akaun Bank ke Unit Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah bagi tujuan pembayaran gaji
PTN1	Failkan sesalinan Surat Penempatan, Laporan Perubahan (Kew 8) ke dalam fail peribadi pegawai

**6.2.1.2 Pengurusan Pengambilan Kakitangan Kumpulan Sokongan 2**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
KPP (PSM)	Mengumpulkan maklumat kekosongan jawatan berasaskan Waran Perjawatan yang diluluskan.
PPTN32	Menyediakan Penyata Lembaga Permulaan Jawatan-jawatan yang berkaitan untuk kelulusan Kementerian Pengangkutan Malaysia.
KPP (PSM)	Terima kelulusan Penyata Lembaga Permulaan dari Kementerian Pengangkutan.
KPP (PSM)	Perlantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Panel Temuduga.
PPTN26	Mengedar iklan jawatan kosong kepada semua Kementerian / Jabatan Persekutuan.
PTN1	Terima borang permohonan dan asingkan borang mengikut jawatan.
PTN1	Semak borang permohonan mengikut syarat yang ditetapkan dan pastikan permohonan dari pegawai kerajaan mestilah melalui Ketua Jabatan.
PPTN32	Permohonan yang tidak lengkap/tidak layak akan ditolak.
PTN1	Sediakan kertas perakuan bagi calon-calon yang layak.
PPTN32	Dapatkan kelulusan pegawai yang diberi kuasa melantik (Ketua Jabatan) untuk menubuhkan Lembaga Temuduga.
PTN1	Hantar surat panggilan temuduga kepada calon-calon yang layak.
PTN26	Sediakan format temuduga dan jadual temuduga.
PTN26	Urusan temuduga dijalankan sehingga selesai.
PPTN32	Sediakan penyata dan perakuan Lembaga Temuduga beserta Kertas Pertimbangan kepada Kementerian Pengangkutan (Kuasa melantik).
PPTN32	Surat tawaran dikeluarkan bagi calon-calon yang berjaya dilantik.
PTN1	Fail-fail pengambilan disimpan dengan selamat selepas urusan melantik pegawai yang berjaya dibuat

**6.2.1.3 Pengurusan Perakuan & Kelulusan Pengesahan Tarikh Lantikan**

Jawatan	Proses
PT2/PT3	<p>Kumpul dokumen-dokumen yang diperlukan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat Setuju Terima Tawaran</li> <li>ii. Surat Akuan Pemeriksaan Pegawai Perubatan (Doktor)</li> <li>iii. Salinan Ijazah Asal ( jika berkenaan )</li> <li>iv. Borang Tapisan Keselamatan ( jika berkenaan )</li> <li>v. Surat Akuan Sumpah</li> <li>vi. Surat Aku Janji</li> </ul>
PTN26	Semak dokumen-dokumen tersebut. Sekiranya tidak lengkap minta pegawai kemukakan dokumen-dokumen dengan kadar segera
PPTN32	Sediakan surat untuk menghantar dokumen-dokumen termasuk ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
PT2/PT3	Failkan sesalinan surat serta sesalinan dokumen ke dalam fail peribadi pegawai
PPTN32	Terima Surat Kelulusan Pengesahan Tarikh Lantikan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
PPTN32	Semak Surat Kelulusan Pengesahan Tarikh Lantikan tersebut
PPTN32	Sekiranya terdapat kesilapan kembalikan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk tujuan pembetulan
PTN26	Sediakan surat kepada Pengarah Wilayah sekiranya pegawai bertugas di Wilayah beserta surat kelulusan pengesahan tarikh lantikan untuk direkod di dalam Buku Perkhidmatan Pegawai
PPTN32	Bagi pegawai yang bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, sediakan Laporan Perubahan (Kew 8), ditandatangani dan rekod Kew 8 tersebut ke dalam Buku Perkhidmatan
PTN26	Sediakan memo beserta surat pengesahan tarikh lantikan kepada pegawai yang berkenaan
PT2/PT3	Failkan memo, Kew 8 dan surat kelulusan pengesahan tarikh lantikan ke dalam fail peribadi pegawai



#### 6.2.1.4 Pengurusan Perakuan & Kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Jawatan	Proses
PT1/PT2/PT3	Semak senarai pegawai/ kakitangan yang akan disahkan di dalam perkhidmatan
PT1/PT2/PT3	<p>Semak fail peribadi dan Buku Perkhidmatan Pegawai serta pastikan pegawai telah memenuhi syarat-syarat berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Telah mendapat pengesahan tarikh lantikan</li> <li>ii. Telah lulus kursus Induksi Umum dan khusus dengan jayanya</li> <li>iii. Telah lulus Ujian Menaip ( bagi jawatan Pembantu Tadbir P/O )</li> <li>iv. Telah lulus Peperiksaan Perkhidmatan ( jika berkenaan )</li> <li>v. Kelulusan Tapisan Keselamatan ( untuk pegawai-pegawai Gred 27 dan ke atas )</li> <li>vi. Telah mengikuti kursus Diploma Pentadbiran Awam (untuk jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik)</li> <li>vii. Telah khidmat di antara 1 hingga 3 bulan</li> <li>viii. Surat kelulusan sekiranya pegawai dikecualikan daripada menduduki kursus Induksi</li> </ol>
PT1/PT2/PT3	<p>Sediakan sesalinan dokumen-dokumen berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang Perakuan Pengesahan dalam Perkhidmatan (Jadual ketiga – Peraturan 27)</li> <li>ii. Borang Opsyen bagi Skim KWSP mengikut subseksyen 6A (1) Akta Pencen 1980 (Jadual kelima-Peraturan 35)</li> <li>iii. Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskinikan</li> <li>iv. Surat Kelulusan di dalam peperiksaan</li> </ol>
PPTN32	Kemukakan Borang Pengakuan Pengesahan dalam perkhidmatan (jadual ketiga – peraturan 27), dokumen-dokumen beserta maklumat tambahan pegawai kepada Ketua Jabatan untuk mendapat sokongan dan tandatangan
PT1/PT2/PT3	Sediakan surat untuk ditandatangani beserta dokumen-dokumen yang lengkap untuk dihantar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
PPTN32	Terima surat kelulusan pengesahan dalam perkhidmatan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
PPTN32	Sekiranya terdapat kesilapan kembalikan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk tujuan pembetulan

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PTN26	Sediakan surat kepada Pengarah Wilayah sekiranya pegawai bertugas di Wilayah beserta surat kelulusan pengesahan dalam perkhidmatan untuk direkod di dalam Buku Perkhidmatan Pegawai
PPTN32	Bagi pegawai yang bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, sediakan Laporan Perubahan (Kew 8), ditandatangani dan rekodkan perubahan Kew 8 ke dalam Buku Perkhidmatan
PT1/PT2/PT3	Sediakan memo beserta surat pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang berkenaan
PT1/PT2/PT3	Failkan memo, Kew 8 dan surat kelulusan pengesahan dalam perkhidmatan ke dalam fail peribadi pegawai

### 6.2.1.5 Pengurusan Perakuan dan Kelulusan Penanggungungan Kerja

Jawatan	Proses
KPP (PSM)	Terima perakuan untuk penanggungungan kerja daripada bahagian/wilayah
PPTN32	Semak Perakuan:- <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Format 2 – skim perkhidmatan yang sama (&gt;3 bulan) Format 2.1 – skim perkhidmatan yang sama (&lt;3 bulan) Format 3 – skim perkhidmatan yang berlainan</li> <li>ii. Pastikan format ditandatangani oleh Ketua Jabatan</li> <li>iii. Surat/Memo Arahan Menanggung Kerja</li> <li>iv. Senarai tugas kedua-dua jawatan</li> <li>v. Carta Organisasi yang menunjukkan kedua-dua jawatan</li> <li>vi. Surat atau dokumen yang menyebabkan jawatan ditanggung kerja</li> <li>vii. Penyata Cuti pegawai yang diarahkan menanggung kerja (untuk tempoh 1 bulan pertama tanggung kerja)</li> </ol>
PT1/PT2/PT3	Sediakan Dokumen:- <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kenyataan perkhidmatan</li> <li>ii. Laporan Nilai Prestasi Tahunan</li> </ol>
PPTN32	Sediakan surat Perakuan Kelulusan Penanggungungan Kerja kepada Timbalan Ketua Pengarah Laut
PT1/PT2/PT3	Terima kelulusan dari Timbalan Ketua Pengarah Laut
PPTN32	Pastikan penempatan pegawai. Bagi peringkat Wilayah, kemukakan surat beserta surat Kelulusan Penanggungungan Kerja kepada Pengarah Laut Wilayah untuk tindakan selanjutnya. Bagi peringkat Ibu Pejabat, sediakan laporan Perubahan (Kew 8) untuk ditandatangani
PT1/PT2/PT3	Rekod Kew 8 ke dalam Buku Perkhidmatan dan kemukakan Laporan Perubahan (Kew 8) ke Unit Kewangan
PT1/PT2/PT3	Failkan surat Kelulusan dan Kew 8 di dalam Fail Peribadi pegawai

**6.2.1.6 Pengurusan Terima Sijil Gaji Akhir (LPC) Bagi Pegawai Bertukar Masuk ke JLSM**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PPTN32	Terima Sijil Gaji Akhir (LPC) Pegawai dari Jabatan lama.
PT1/PT2/PT3	Sediakan Laporan Perubahan (Kew.8) diisi di kedua Bahagian (Hadapan dan Belakang) dan pastikan maklumat-maklumat dimasukkan dengan lengkap dan ditandatangani.
PT1/PT2/PT3	Rekod Kew.8 ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai.
PT1/PT2/PT3	Kemukakan Kew.8 Sijil Gaji Akhir (LPC) dan salinan Buku Akaun Bank ke Unit Kewangan.
PT1/PT2/PT3	Failkan Kew.8, Salinan Sijil Gaji Akhir (LPC) dan salinan Buku Akaun Bank ke dalam Fail Peribadi Pegawai.

### 6.2.1.7 Pengurusan Pertukaran Pegawai/Kakitangan JLSM

Jawatan	Proses
KPP (PSM)	Terima Permohonan Pertukaran
PPTN32	Semak Permohonan yang diterima :-  (i) Jawatan Gunasama Am Persekutuan (ii) Jawatan Bukan Gunasama
PT1/PT2/PT3	Pastikan Permohonan ditandatangani oleh pemohon, disokong dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan masing-masing.
PT1/PT2/PT3	Bagi Permohonan Pertukaran Keluar Jawatan Gunasama Am Persekutuan, kemukakan surat beserta surat Permohonan Pertukaran Pegawai / Kakitangan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.
KPP (PSM)	Bagi Permohonan Pertukaran Keluar Jawatan Bukan Gunasama, Permohonan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan JLSM setiap tiga bulan sekali untuk dipertimbangkan.
PT1/PT2/PT3	Terima Keputusan Mesyuarat. Sekiranya diluluskan, sediakan surat arahan pertukaran yang akan ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Laut.
PT1/PT2/PT3	Sekiranya tidak diluluskan maklumkan kepada pegawai berkenaan
PPTN32	Keluarkan surat arahan pertukaran kepada Pengarah Bahagian / Wilayah di mana pegawai bertugas.
PT1/PT2/PT3	Failkan sesalinan surat arahan tersebut ke dalam fail peribadi pegawai.

**6.2.1.8 Pengurusan Peletakan Jawatan oleh Pegawai/Kakitangan**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
KPP (PSM)	Terima permohonan peletakan jawatan oleh pegawai/kakitangan
PPTN32	Semak Permohonan yang diterima :-  (i) Peletakan jawatan dengan notis 24 jam; atau (ii) Peletakan jawatan dengan notis 1 bulan (belum sah dalam perkhidmatan) atau notis 3 bulan (sudah sah dalam perkhidmatan)
PPTN32	Pastikan permohonan dengan notis 24 jam disertakan dengan bayaran satu bulan gaji. Jika bayaran tidak disertakan, minta Unit Kewangan tahan apa-apa emolumen yang tertunggak kepada pemohon. Jika tidak ada apa-apa bayaran tertunggak, tuntutan bayaran kepada pemohon secara rasmi.
KPP (PSM)	Sekiranya pemohon merayu untuk mengurangkan tempoh notis atau memohon untuk pelepasan dengan izin (kerana ingin berkhidmat di Badan Berkanun), rujuk kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan.
PPTN32	Sediakan memo kepada Ketua Jabatan dengan menyatakan hasrat pemohon dan dapatakan kelulusan beliau (Ketua Jabatan).
PT1/PT2/PT3	Sekiranya permohonan diluluskan, maklumkan kepada pemohon.
PPTN32	Maklumkan secara rasmi kepada Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Perkhidmatan Awam tentang keputusan Ketua Jabatan.
PT1/PT2/PT3	Rekodkan segala keputusan dalam fail peribadi pegawai.
PT1/PT2/PT3	Sekiranya pegawai memasuki perkhidmatan lain (Badan Berkanun), maklumkan keputusan Ketua Jabatan dan kemukakan Buku Perkhidmatan pegawai kepada majikan baru.

**6.2.1.9            Pengurusan            Pemangkuan/Kenaikan            Pangkat  
Kumpulan Pengurusan & Profesional**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
KPP (PSM)	Semak kekosongan jawatan berdasarkan Waran Perjawatan.
PPTN32	Senaraikan pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan untuk urusan pemangkuan / kenaikan pangkat.
PTN26	Mengedarkan Borang Tapisan Keutuhan untuk diisi oleh pegawai yang layak.
PTN26	Kemukakan Borang Tapisan Keutuhan kepada Badan Pencegah Rasuah untuk kelulusan.
KPT N22 (PA)	Sebutharga dipelawa dengan menggunakan borang Lampiran Q. Setiap borang Lampiran Q hendaklah mengandungi: i) arahan yang lengkap kepada Penyebutharga ii) spesifikasi barangan berkenaan iii) No. siri sebutharga yang direkodkan dalam buku daftar sebutharga.
PPT N32(PA)	Menyemak dokumen sebutharga yang mengandungi arahan kepada penyebutharga dan spesifikasi teknikal.
PT N17 (PA)	Edarkan dokumen sebutharga kepada sekurang-kurangnya lima (5) pembekal. Hanya Pembekal yang berdaftar dengan Perbendaharaan dan bertaraf Bumiputera sahaja boleh dipelawa untuk menyebutharga. Kaedah pemberitahuan sebutharga adalah melalui pos berdaftar atau serahan tangan. Notis sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari. Waktu sebutharga ditutup bagi penerimaan ditetapkan pada jam 12.00 tengahari pada tarikh yang ditetapkan.
KPT N22 (PA)	a) Menyediakan peti sebutharga dan melekatkan poster nama sebutharga dan tarikh tutup pada peti sebutharga tersebut. b) Peti sebutharga disediakan untuk penyebutharga memasukkan sampul surat tawaran sebutharga.
Ahli J/K Pembukaan Sebutharga	Peti sebutharga dibuka pada tarikh yang ditetapkan dan sampul surat sebutharga dibuka dan dijadualkan senarai penyebutharga yang mengambil bahagian. Jawatankuasa Sebutharga hendaklah melakukan perkara-perkara berikut ; i) membuka peti tawaran pada masa yang ditetapkan. ii) membuka, memberi nombor bersiri dan menandatangani ringkas semua sebutharga yang diterima. iii) Menjadualkan tawaran harga dengan menggunakan nombor kod yang diberi.
KPT N22 (PA)	Menyediakan jadual tawaran harga dan pamirkan di papan kenyataan Jabatan tanpa nama Penyebutharga.

Jawatan	Proses
PPT N32(PA)	Semua tawaran yang diperolehi secara sebutharga akan diserahkan kepada J/K Penilaian Sebutharga. Laporan Penilaian akan disediakan yang ditandatangani oleh semua ahli J/K yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah. Satu rekod lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan sebutharga perlu disimpan untuk tujuan Audit.
PPT N32(PA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengeluarkan surat setuju terima kepada penyebutharga yang berjaya.</li> <li>b) Mengeluarkan surat keputusan sebutharga kepada penyebutharga yang tidak berjaya.</li> </ul>
PT N17 (PA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menyediakan Borang Pesanan Pembelian selepas Bon Pelaksanaan dikemukakan untuk memastikan tanggungan perbelanjaan diambil dalam buku vot.</li> <li>b) Pesanan Kerajaan akan disediakan kepada Penyebutharga yang berjaya. Sekiranya perlu satu kontrak formal akan disediakan dan ditandatangani dan pembayaran dibuat dengan menggunakan salinan kontrak tersebut.</li> </ul>
PT N17 (PA)	Menerima barang/perkhidmatan/kerja.
Pegawai Penyelaras / PPTN32 (PA)	Mengesahkan Pesanan Kerajaan setelah bekalan diterima atau kerja pembaikan disiapkan dan hantarkan Pesanan Kerajaan bersama-sama invois ke Bahagian Kewangan untuk proses bayaran.

**6.2.2.18 Pengurusan Pembelian Terus yang Tidak Melebihi RM50,000.00 Bagi Bekalan dan Perkhidmatan, RM20,000 untuk Kerja-Kerja**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PPT N32(PA)	Menerima arahan daripada Ketua Bahagian/Unit untuk pembelian/pembaikan.
PPT N32(PA)	Pastikan sama ada Kontrak Pusat atau tidak: a) Jika ada keluarkan Pesanan Tempatan kepada syarikat berkenaan. b) Jika tidak ada dalam Kontrak Pusat dapatkan sebutharga daripada Pembekal yang difikirkan boleh menjalankan/membekalkan kerja dengan memuaskan.
PT N17(PA)	a) Mengisi Borang Pesanan Pembelian / Pembaikan untuk memastikan peruntukan yang mencukupi. b) Mengeluarkan pesanan kerajaan bagi pembelian tersebut yang disahkan oleh Ketua Bahagian berkenaan.
PT N17(PA)	a) Menerima barang/perkhidmatan/kerja-kerja dari pembekal/kontraktor. b) Penerimaan barang-barang direkodkan dalam Buku Bekalan Pejabat/Kad Harta Modal/Kad Inventori (mengikut mana yang sesuai) c) Merekodkan kerja-kerja/penyelenggaraan dalam Kad Penyelenggaraan Harta (KEW 312A).
PPT N32(PA)	Sahkan Pesanan Kerajaan dan hantarkan bersama-sama inouis ke Bahagian Kewangan untuk proses bayaran.

## 6.2.2.19

**Pengurusan Penyediaan Dokumen Kontrak bagi Perolehan Bekalan/Perkhidmatan/Kerja/Sewaan**

Jawatan	Proses
PPT N32(PA)	Menyemak semua draf dokumen kontrak perkhidmatan/bekalan/kerja/sewaan yang diterima daripada Pengarah Wilayah, Pengarah Bahagian, kontraktor, Perunding atau Penyewa sama ada disediakan secara teratur mengikut Garis Panduan untuk Perjanjian Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara.
PPT N32(PA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Merujuk draf dokumen kontrak perkhidmatan/bekalan/kerja kepada Penasihat Undang-Undang Jabatan untuk semakan.</li> <li>b) Semua draf dokumen kontrak penyewaan tanah, ruang pejabat dan kantin pemilikan Jabatan dirujuk kepada Jabatan Tanah dan Galian untuk kelulusan dan tandatangan.</li> </ul>
KPT N32(PA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Draf dokumen kontrak yang telah disemak oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan ditaip semula mengikut ulasan beliau.</li> <li>b) Sekiranya draf dokumen kontrak disediakan oleh pihak kedua iaitu</li> </ul>
PPT N32(PA)	Pejabat Wilayah, Kontraktor, Perunding atau Penyewa ia akan dikembalikan kepada pihak berkenaan untuk dibuat pindaan.
PPT N32(PA)	Memberi nombor siri mengikut turutan kepada dokumen kontrak dan mencatatkan butiran kontrak dalam buku daftar kontrak.
PPT N32(PA)	Mendapatkan surat penurunan kuasa daripada Kementerian Pengangkutan sekiranya jumlah nilai kontrak adalah melebihi had kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Laut iaitu RM2.5 Juta untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan.
PPT N32(PA)	Mendapatkan surat kuasa mengikut resolusi syarikat, pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kontraktor, Penyewa atau Perunding.
PPT N32(PA)	Menyediakan senarai semak untuk pertimbangan dan kelulusan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan sebelum ditetapkan tarikh yang sesuai untuk menandatangani kontrak antara kontraktor dan Ketua Pengarah Laut.

Jawatan	Proses
PPT N32(PA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Dokumen kontrak yang telah disemak dan dibuat pindaan oleh Penasihat Undang-Undang atau Jabatan Tanah dan Galian bagi kontrak sewa akan disediakan semula dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak.</li> <li>b) Bagi kontrak penyewaan tanah, ruang pejabat atau kantin akan ditandatangani oleh Penyewa terdahulu sebelum ia dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Galian untuk ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi pihak Kerajaan.</li> <li>c) Bagi kontrak yang disediakan melalui pembelian terus, sewa rumah swasta atau sebutharga kontrak akan ditandatangani oleh Kontraktor/Tuan Tanah terdahulu sebelum ditandatangani oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>
PPT N32(PA)	<p>Kontrak-kontrak Lembaga Dius Api akan diserahkan kepada Kontraktor/Pembekal/ Perunding/Penyewa selepas ditandatangani oleh Ketua Jabatan untuk tujuan dimatikan setem.</p>
PPT N32(PA)	<p>Salinan kontrak hendaklah diedarkan kepada</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Ketua Audit Negara</li> <li>b) Akauntan Negara</li> <li>c) Pembekal</li> <li>d) Kementerian Tanah dan Galian; dan</li> <li>e) Penyewa</li> </ul>



**6.2.2.20 Pengurusan Pelaburan Wang Amanah**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PA W27	Menyemak Penyata Pelaburan untuk kedua-dua Kumpulan Wang Amanah.
PA W27	Hubungi Institusi Kewangan jika terdapat pelaburan matang bagi mendapatkan sebutharga kadar keuntungan/kadar faedah untuk tujuan menambahkan pelaburan.
PA W27	Senaraikan sebutharga kadar keuntungan yang diperolehi dan tarikh-tarikh pelaburan yang akan matang.
W48	Serahkan kepada Pengarah Unit Keselamatan Kapal untuk kod Amanah 68201 (LDA) dan kepada Pegawai Tadbir untuk kod Amanah 68202 (KWPPL) untuk mendapatkan keputusan Pengerusi.
PA W27	<p>Menyediakan surat mengikut keputusan Pengerusi sama ada:</p> <p>a) Pengeluaran Pelaburan dan labur balik ke dalam Institusi Kewangan lain. (Surat arahan pengeluaran pelaburan kepada bank. Surat arahan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk labur balik ke Institusi Kewangan yang lain) : atau</p> <p>b) Pembaharuan Pelaburan (Surat pembaharuan pelaburan kepada Institusi Kewangan berkenaan dan salinan kepada AG Seksyen Dana)</p>
PA W27	Terima Resit pelaburan baru.
PA W27	Serahkan resit asal dan salinan kepada Pengarah Unit Keselamatan Kapal atau Pegawai Tadbir mengikut yang berkenaan

## 6.2.2.21

## Pengurusan Laporan Verifikasi Stok

Jawatan	Proses
PPT N32 (PA)	Menerima dan menyediakan cadangan nama-nama pegawai yang disyorkan sebagai Ahli Jawatankuasa Pemverifikasi Stok bagi Ibu Pejabat serta Pejabat Wilayah dan dihantar ke Kementerian pada bulan Januari untuk perlantikan oleh KSU Kementerian Pengangkutan.
PT N17 (PA)  Pegawai Pemverifikasi Stok / PT N17 (PA)	<p>Menyenaraikan barang-barang dalam Stor Pusat mengikut format Lampiran S (Kew. 300S) untuk diserahkan kepada pegawai pemverifikasi stok untuk tujuan pemeriksaan.</p> <p>Menjalankan pemeriksaan pada setiap hujung bulan Jun dan Disember. Menyediakan 2 salinan laporan verifikasi stok dan disokong oleh butir-butir berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Penyesuaian baki fizikal dengan baki daftar,</li> <li>b) Satu senarai mengenai stok yang tidak boleh digunakan serta syor terhadap barang tersebut,</li> <li>c) Satu laporan lengkap tentang kelemahan pengurusan stor dan syor peningkatannya.</li> </ol>
PPT N32 (PA)	Menerima dan menyemak laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pemverifikasi Stok dan menyediakan nota ulasan untuk dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun Amanah.
PPT N32 (PA)	Menghantar laporan lengkap Verifikasi Stok Ibu Pejabat Laut yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat ke Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan.

**6.2.2.22 Pengurusan Pelupusan Aset**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PPT N32 (PA)	Menerima dan menyediakan cadangan nama-nama pegawai yang disyorkan sebagai Ahli Lembaga Pemeriksa untuk Ibu Pejabat serta Pejabat Wilayah dan dihantar ke Kementerian pada bulan Januari untuk perlantikan oleh KSU Kementerian Pengangkutan.
PT N22 (PA)	<p>a) Menyenaraikan barang-barang yang dipohon untuk pelupusan dengan maklumat lengkap di borang Lampiran V (KEW 300V).</p> <p>b) Sekiranya harta yang hendak dilupuskan memerlukan Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki maka satu surat akan dikeluarkan kepada pegawai berkenaan untuk membuat pemeriksaan untuk tujuan pengeluaran sijil berkenaan.</p>
PPT N32 (PA)	Kemukakan surat permohonan pelupusan harta benda beserta sijil BER kepada Lembaga Pemeriksa untuk tujuan pemeriksaan dan seterusnya syor Lembaga Pemeriksa.
PPT N32 (PA)	<p>a) Menerima laporan permohonan pelupusan harta benda Kerajaan daripada Lembaga Pemeriksa IPL atau Pengarah Wilayah.</p> <p>b) Semak sama ada laporan disediakan secara teratur dan akan dikembalikan kepada Pengarah Wilayah sekiranya didapati tidak lengkap.</p>
PPT N32 (PA)	<p>a) Bentangkan laporan permohonan pelupusan dalam Mesyuarat Pengurusan Aset Peringkat Ibu Pejabat untuk dibincangkan dan diperakukan.</p> <p>b) Sekiranya nilai perolehan asal satu aset adalah kurang daripada RM50,000.00 atau nilai agregat tidak melebihi RM500,000.00 maka bidang kuasa kelulusan adalah Ketua Pengarah Laut.</p>

### 6.2.2.23 Pengurusan Kehilangan Aset

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PPT N32 (PA)	Menerima laporan daripada Pengarah Wilayah/ Ketua Bahagian yang berkenaan kehilangan.
PPT N32 (PA)	Semak sama ada laporan: Laporan Polis telah dibuat dan laporan Lampiran J dipenuhi dengan lengkap.
PPT N32 (PA)	Mengemukakan laporan awal mengenai kehilangan ke Kementerian Pengangkutan dan Perbendaharaan dengan salinan ke Akauntan Negara dan Audit Negara.
PPT N32 (PA)	Mendapatkan keahlian keanggotaan Jawatankuasa Penyiasat daripada Ketua Jabatan untuk dihantar ke Kementerian Pengangkutan untuk perlantikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Setelah perakuan KSU diperolehi satu surat perlantikan akan dikeluarkan kepada Jawatankuasa Penyiasat. Menerima laporan lengkap daripada Jawatankuasa berkenaan dan menghantar laporan akhir dalam format Lampiran K beserta dengan salinan laporan Polis yang lengkap ke Kementerian untuk tindakan selanjutnya.
PPT N32 (PA)	Membentangkan permohonan hapuskira kehilangan harta benda kerajaan di Mesyuarat Kewangan untuk diperakukan oleh jawatankuasa pengurusan kewangan sebelum dihantar ke Kementerian.
PPT N32 (PA)	Menerima kelulusan hapuskira daripada Kementerian.

**6.2.2.24 Pengurusan penyediaan Sistem Kawalan Harta Modal / Inventori / Alat Tulis**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
PT N17 (PA)	Terima barang dari pembekal.
PT N17 (PA)	Menyediakan daftar harta modal / inventori (kew 312, 313). Memberi nombor siri dan labelkan di harta modal / inventori tersebut. Alat tulis direkodkan dalam Buku Daftar Alat Tulis (Kew. 314)
PPT N32 (PA)	a) Menyemak butiran-butiran harta modal dengan delivery order. b) Menandatangani kad harta modal / inventori dalam dua salinan dan hantarkan kad asal bersama-sama alat tersebut ke Pengarah Wilayah yang menerimanya dan bagi komputer kad asal dihantar ke Unit Sistem Maklumat untuk disimpan dan dikemaskini.
PT N17 (PA)	Satu salinan kad tersebut yang diperakukan oleh penerima akan disimpan oleh Unit Pengurusan Aset Ibu Pejabat.
PT N17 (PA)	Semua butir-butir penyelenggaraan, pembaikan, pemeriksaan dan pelupusan hendaklah direkodkan dalam kad harta modal / inventori (Kew 312, 313)
PT N17 (PA)	Pemindahan Harta Modal / Inventori juga perlu direkod dalam daftar pergerakan harta modal/ inventori (Kew 315)

## 6.2.2.25

## Urusan Pengeluaran Barang-Barang Stor

Jawatan	Proses
PT N17 (PA)	Terima borang pesanan/pengeluaran barang-barang dari pegawai/kakitangan yang telah diperakukan oleh Ketua Bahagian/Unit untuk pengeluaran barang dari stor alat tulis/Keselamatan Pelayaran.
PPT N32 (PA)	Permohonan diluluskan sekiranya barang mencukupi dengan menandatangani borang pesanan/pengeluaran.
PT N17 (PA)	Barang-barang akan dikeluarkan sepertimana yang dicatat dalam borang pesanan/ pengeluaran dan menandatangani borang sebagai pengesahan pengeluaran.
PT N17 (PA)	<p>a) Barang-barang akan dikeluarkan kepada pengguna mengikut borang pesanan yang telah diluluskan. Pengguna akan menandatangani borang pesanan sebagai pengesahan penerimaan setelah menerima bilangan barang yang diluluskan.</p> <p>b) Pengeluaran barang-barang stok akan direkodkan dalam kad stok dan buku daftar stok.</p>
PT N17 (PA)	Membungkus dengan selamat barang-barang yang hendak dihantar atau ambil sendiri oleh kakitangan Pejabat Wilayah.
PT N17 (PA)	Borang-borang pesanan pengeluaran akan disusun secara teratur.

## 6.2.3 Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik

### 6.2.3.1 Pelan Maklumat Strategik Jabatan

Jawatan	Proses
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Terima permohonan komputer, sistem aplikasi dan rangkaian daripada semua Bahagian dan Unit Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Sediakan pelan perancangan selama lima tahun mengikut permohonan pembangunan projek dalam Rancangan Malaysia
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Buat draf Perancangan Maklumat Strategik Jabatan mengikut format yang disediakan oleh MAMPU
Ketua Penolong Pengarah	Serah laporan kepada Chief Information Officer (CIO) untuk semakan dan persetujuan
Ketua Penolong Pengarah	Buat pembetulan/pindaan jika ada dan sediakan Laporan Akhir Perancangan ISP
Ketua Penolong Pengarah	Bentang pelan ISP dalam JPICIT Jabatan untuk kelulusan Ahli Jawatankuasa Pemandu
Ketua Penolong Pengarah	Hantar Laporan Pelan Perancangan ISP kepada MAMPU untuk kelulusan/pembetulan
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima surat kelulusan/buat pembetulan/pindaan/ permohonan semula

**6.2.3.2**

**Penyediaan Kertas Permohonan ICT**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Terima permohonan komputer, sistem aplikasi dan rangkaian atau semak Pelan Perancangan Strategik yang diluluskan oleh MAMPU
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Sediakan kertas permohonan ICT
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Bentang Kertas Permohonan ICT dalam Mesyuarat JPICT untuk kelulusan/pembetulan/pindaan
Ketua Penolong Pengarah	Buat pembetulan/pindaan dan sediakan Kertas Permohonan ICT yang akhir dan dihantar kepada Urusetia JPICT Kementerian Pengangkutan
Ketua Penolong Pengarah	Bentang permohonan ICT Jabatan dalam Mesyuarat JPICT Kementerian untuk kelulusan/pembetulan/pindaan/permohonan semula
Ketua Penolong Pengarah	Buat pembetulan/pindaan/sediakan Kertas JTIK dan dihantar kepada MAMPU/buat perolehan
Ketua Penolong Pengarah	Bentang permohonan ICT dalam Mesyuarat JTIK untuk kelulusan/pindaan
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Buat perolehan/pembetulan/pindaan/permohonan semula



**6.2.3.3**

**Urusetia Mesyuarat JPICT**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Terima permohonan komputer, sistem aplikasi dan rangkaian atau semak Pelan Perancangan Strategik yang diluluskan oleh MAMPU
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Sediakan kertas-kertas mesyuarat, Minit Mesyuarat JPICT dan Agenda Mesyuarat
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Buat surat panggilan mesyuarat mengikut tarikh yang dipersetujui
Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Hantar surat / E-Mel panggilan mesyuarat JPICT
Peg Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Sebelum mesyuarat – Sediakan bilik mesyuarat, audio visual serta edar kertas mesyuarat, minit mesyuarat serta agenda mesyuarat
Ketua Penolong Pengarah, Peg. Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Semasa mesyuarat – Mengikut Agenda Mesyuarat dan ambil Minit Mesyuarat
Peg Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Susun semula dan kemas bilik mesyuarat serta simpan peralatan yang digunakan

6.2.3.4

Perolehan Peralatan ICT

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Mendapatkan kelulusan dari Agensi Pusat yang berkenaan (seperti MAMPU dan Perbendaharaan Malaysia) untuk pembelian perkakasan/ perisian tersebut.
Peg Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Setelah mendapat kelulusan, kenal pasti cara perolehan yang digunakan sama ada; i) Tender jika kos lebih RM200,000 ii) Sebutharga jika kos antara RM200,000 – RM500,000 iii) Pembelian terus jika kos kurang dari RM50,000 iv) Rundingan terus sekiranya diperlukan.
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Sediakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk kaedah perolehan yang ditetapkan.
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Rujuk kepada <b>Unit Perolehan</b> untuk urusan pembelian peralatan tersebut.
Peg Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Pastikan bahawa peralatan yang diterima adalah dalam keadaan baik dan memenuhi keperluan spesifikasi yang diperlukan sebagaimana dalam dokumen perolehan.
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Rujuk kepada <b>Unit Perolehan</b> untuk merekodkan peralatan yang dibeli ke dalam <b>Buku Daftar Harta Modal (Kew. 312)</b>
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Sediakan surat/ dokumen ke bahagian/ pejabat untuk pengesahan penempatan peralatan tersebut.
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Rekodkan penempatan perkakasan tersebut ke dalam <b>Buku Daftar Harta Modal (Kew. 312)</b>

6.2.3.5

**Perolehan Stok Bekalan Pejabat ( Komputer )**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg. Sistem Maklumat	Menyediakan anggaran keperluan tahunan untuk penyediaan peruntukan tahunan.
Peg Sistem Maklumat	Buat kajian keperluan untuk satu tahun bagi keperluan stok (seperti toner cartridge dll) dan buat perolehan setiap 4 bulan.
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Dapatkan sebutharga dari pembekal yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan sebaiknya mempunyai status Syarikat Bumiputera.
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Pegawai Sistem Maklumat	Berikan butir-butir pembelian ke Unit Perolehan untuk penyediaan Pesanan Kerajaan (LO)
Peg. Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Semak penerimaan barangan yang dipesan dan pastikan barangan yang dipesan dalam keadaan baik serta memenuhi keperluan.
Pen. Peg. Sistem Maklumat	Rekodkan perolehan tersebut dalam <b>Buku Daftar Stok Bekalan Pejabat (Kew. 314)</b> .

**6.2.3.6****Pengeluaran Stok Bekalan Pejabat**

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima <b>Borang Pengeluaran Barang-barang</b> (Peralatan komputer) dari pengguna untuk mengeluarkan stok bekalan pejabat.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Agihkan barangan tersebut kepada pengguna yang memerlukan bekalan stok tersebut berdasarkan stok yang ada dan mengisi borang tersebut
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Rekodkan pengeluaran tersebut dalam <b>Buku Daftar Stok Bekalan Pejabat (Kew.314)</b>
Peg Sistem Maklumat	Kemaskini rekod dalam <b>Buku Daftar Stok Bekalan Pejabat (Kew.314)</b>

### 6.2.3.7 Pelupusan Peralatan Komputer

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat	Kenal pasti peralatan komputer yang perlu untuk dilupuskan.
Peg Sistem Maklumat	Sediakan kertas kerja cadangan pelupusan peralatan komputer untuk mendapat kelulusan <b>Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)</b> .
Peg Sistem Maklumat	Sediakan kertas kerja cadangan pelupusan peralatan komputer untuk mendapat kelulusan <b>Lembaga Pelupusan Peralatan Komputer (LPPK), MAMPU</b> .
Peg Sistem Maklumat	Dapatkan surat persetujuan dari LPPK, MAMPU untuk menubuhkan <b>Jawatankuasa Teknikal</b> untuk tujuan penilaian pelupusan yang dicadangkan.
Peg Sistem Maklumat	Rujuk kepada <b>Bahagian Perkhidmatan Bantuan</b> untuk melantik Jawatankuasa Teknikal
Peg Sistem Maklumat	Rujuk kepada <b>Unit Perolehan</b> untuk urusan pelupusan sebagaimana tatacara pelupusan dalam <b>Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor</b> .

### 6.2.3.7 Penyediaan Bajet

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Terima permohonan komputer, sistem aplikasi dan rangkaian daripada semua Bahagian dan Unit Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Sediakan keperluan unit mengikut keperluan tahunan.
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat	Sediakan justifikasi dan dapatkan kuantiti dan kos yang terperinci untuk setiap permohonan.
Ketua Penolong Pengarah	Serah Bajet Tahunan kepada Unit Kewangan
Ketua Penolong Pengarah	Buat pembetulan/ pindaan/ permohonan tambahan jika perlu.
Ketua Penolong Pengarah	Hadir dan pertahankan permohonan semasa Mesyuarat Bajet dengan Perbendaharaan jika diperlukan.
Ketua Penolong Pengarah	Buat pembetulan/ pindaan/ permohonan tambahan jika perlu
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Terima Senarai Peruntukan yang diluluskan daripada Unit Kewangan.

### 6.2.3.9 Latihan ICT/Aplikasi

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen. Peg. Sistem Maklumat	Rancang Jadual Latihan ICT dan Aplikasi Sistem bagi tahun semasa dan serah kepada Ketua Penolong Pengarah.
Ketua Penolong Pengarah	Lulus/ Betul/ Pinda Jadual Latihan
Peg Sistem Maklumat	Buat pembetulan/pindaan dan paparkan dalam Laman Web Jabatan.
Pen Peg Sistem Maklumat	Terima permohonan, proses permohonan, tetapkan tarikh, tempat latihan serta penceramah.
Pen Peg Sistem Maklumat	Dapatkan kelulusan Ketua Penolong Pengarah bagi kursus berkenaan (Calon, tarikh, tempat, penceramah, kos dan aturcara)
Pen Peg Sistem Maklumat	Jika diluluskan sediakan surat jemputan kepada calon dan surat panggilan penceramah serta sediakan nota untuk kursus/ latihan.
Pen Peg Sistem Maklumat	Sahkan kehadiran calon dan penceramah atau pilih calondan penceramah gentian.
Pen. Peg. Sistem Maklumat	Sebelum latihan - Sediakan bilik latihan, audio visual, PC dan perisian serta lain-lain keperluan.
Pen Peg Sistem Maklumat	Semasa latihan - Edarkan nota, kedatangan dan jalankan latihan.
Pen Peg Sistem Maklumat	Selia kursus dan buat penilaian di akhir kursus/ latihan serta pemberian sijil (jika ada)
Pen Peg Sistem Maklumat	Buat laporan kursus yang dijalankan dan serah kepada Ketua Penolong Pengarah.

### 6.2.3.10 Penyelenggaraan Laman Web

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima laporan/ memo/ E-Mel maklumat bagi kemaskini pembetulan daripada pengguna.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Dapatkan kelulusan Ketua Penolong Pengarah
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Laksanakan kerja-kerja pengemaskinian atau pembetulan
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan ujian
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Upload dalam Laman Web Jabatan



### 6.2.3.11 Penyelenggaraan Sistem SmartCard

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima aduan/ terlihat kerosakan/ ralat pada peralatan dan Sistem SmartCard
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	<p>Jika ralat itu adalah ralat perkakasan, lakukan langkah-langkah berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Sekiranya masih mempunyai tempoh jaminan pembelian/ pembaikan maka hubungi pembekal untuk membuat pembaikan perkakasan.</li> <li>b) Sekiranya telah tamat tempoh jaminan lakukan pembetulan perkakasan.</li> <li>c) Sekiranya perkakasan tidak dapat diperbaiki, semak peruntukan yang ada dan buat penggantian peralatan.</li> </ol>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika ralat itu adalah ralat sistem aplikasi, lakukan perubahan dan pembetulan terhadap aplikasi sistem. Rujuk kepada <b>Proses Peningkatan/ Perubahan Perisian Sistem.</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan ujian perkakasan/ perisian
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Rekodkan tindakan penyelesaian masalah tersebut ke dalam borang tersebut tentang keputusan yang telah diperolehi.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika peralatan komputer IPL, rekodkan kerja penyelenggaraan peralatan/ penggantian tersebut ke dalam <b>Buku Daftar Harta Modal (Kew. 312)</b>

### 6.2.3.12 Proses Kajian/ Analisa Keperluan Sistem

Jawatan	Proses
KPP, Peg Sistem Maklumat	Menerima cadangan/ permohonan daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk mengubah/menukar sistem yang sedia ada untuk diganti dengan sistem yang baru.
KPP	Membentuk satu pasukan projek sistem yang bertujuan untuk membuat kajian kemungkinan berkenaan sistem yang dicadangkan. Pasukan ini biasanya terdiri dari pengguna sistem, Pegawai Sistem Maklumat dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Menjalankan kajian untuk mengenal pasti :- a) Masalah sistem yang sedia ada b) Pengendalian sistem akan lebih baik dengan adanya sistem baru c) Kenal pasti kaedah untuk pembangunan sistem sama ada pembangunan dalaman ('in-house') atau luaran d) Kenal pasti keperluan perkakasan dan perisian e) Kos yang terlibat untuk membangunkan sistem baru dan dari mana peruntukan diperolehi f) Kebaikan yang akan diperolehi dari sistem baru g) Mencari alternatif terbaik untuk sistem yang sedia ada.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Menyediakan laporan awal secara terperinci yang mengandungi hasil penyelidikan/kajian untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan. Laporan ini mengandungi : i. Pernyataan skop atau matlamat am projek. ii. Ringkasan hasil yang diperolehi iii. Keterangan mengenai sistem yang sedia ada dan kelemahannya. iv. Senarai alternatif-alternatif yang tersaur v. Senarai analisa kos faedah vi. Cadangan untuk membangunkan sistem baru atau menggunakan sistem sedia ada
Peg Sistem Maklumat	Dapatkan kelulusan dari Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) sama ada untuk membangunkan sistem baru atau mengubahsuaikan sistem yang sedia ada dan menentukan sama ada pembangunan dalaman atau luaran.

## 6.2.3.13

## Proses Rekabentuk/ Pembangunan Sistem

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	<p>Membuat kajian berkenaan sistem secara mendalam.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tentukan objektif jabatan seperti pihak pengurusan, tatacara kerja, kos yang digunakan dan keberkesanan sistem</li> <li>ii. Tentukan batasan organisasi arah pembangunan sistem seperti kajian belanjawan kewangan, had masa pembangunan sistem aplikasi, sumber manusia dan kemudahan yang disediakan seperti perkakasan komputer dan sebagainya.</li> </ol>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	<p>Menentukan keperluan INPUT, OUTPUT dan Pemprosesan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menentukan jenis input yang diperlukan oleh sistem dan media input yang digunakan seperti disket, paparan skrin dan sebagainya.</li> <li>ii. Menentukan hasil yang sepatutnya dikeluarkan oleh sistem dan media output yang digunakan seperti paparan skrin, output kertas, disket dan sebagainya.</li> </ol>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	<p>Mengenalpasti data-data yang perlu disimpan dan bagaimana untuk mencapainya semula. Juga menentukan jenis dan jumlah data yang terlibat, cara menyusun fail dan jenis media yang digunakan untuk menyimpan data.</p>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	<p>Menentukan ciri-ciri kawalan sistem secara terperinci. Ini meliputi</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menentukan jenis kawalan data yang digunakan seperti pemeriksaan data dan kawalan data</li> <li>ii. Menentukan keselamatan data terjamin. Ini meliputi semua aspek keselamatan seperti media backup yang boleh dicuri, virus perisian, pencerobohan aplikasi dan sebagainya</li> <li>iii. Menentukan pengawalan luar jangkaan seperti jika berlaku kecemasan gangguan elektronik, bencana alam.</li> </ol>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	<p>Sediakan <b>Kertaskerja Cadangan rekabentuk Sistem</b> untuk kelulusan Jawatankuasa Pembangunan Aplikasi. Kertaskerja ini meliputi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tujuan</li> <li>ii. Latar belakang</li> <li>iii. Spesifikasi keperluan</li> <li>iv. Ciri-ciri sistem yang dicadangkan</li> <li>v. Spesifikasi sistem cadangan</li> </ol>

### 6.2.3.14 Proses Pengujian Sistem

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Menerima program sistem aplikasi yang telah siap daripada pembangunan sistem aplikasi. Pastikan semua program dan database telah lengkap dan tiada ralat yang terdapat dalam fail tersebut.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Install sistem untuk ke dalam komputer / perkakasan sementara untuk dibuat pengujian sistem. Pengujian ini hendaklah dilakukan bersama dengan pengguna sistem yang melibatkan perjalanan aliran sistem, pengujian data.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika perlu untuk membuat perubahan. Lakukan perubahan terlebih dahulu.
Peg Sistem Maklumat	Dapatkan pengesahan dari pengguna sistem berkenaan rekabentuk skrin dan aliran sistem secara keseluruhannya.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Buat Dokumentasi untuk sistem aplikasi dan sediakan Manual Pengguna.
Peg Sistem Maklumat	Sediakan satu pelan tindakan untuk pemasangan sistem tersebut kepada pengguna sistem. Pelan tindakan ini hendaklah mengandungi waktu install database atau sistem, latihan kepada pengguna, dan kaedah penukaran dari sistem lama kepada sistem baharu.

### 6.2.3.15 Proses Pelaksanaan Sistem

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan install sistem aplikasi ke komputer pengguna.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika perlu lakukan pengemaskinian pada pangkalan data sistem aplikasi di mana data dari sistem sedia ada dimasukkan ke sistem baru.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Sediakan latihan kepada pengguna untuk memahirkan mereka kepada sistem yang baru.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan penukaran dari sistem yang lama kepada sistem yang baru. Pada kebiasaannya sistem yang baru berjalan selari dengan sistem yang lama untuk memastikan yang baru tiada masalah.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Penilaian hendaklah dilakukan terhadap sistem yang baru. Penilaian ini meliputi operasi sistem prosedur perjalanan sistem.

### 6.2.3.16 Proses Peningkatan / Perubahan Sistem

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat	Terima permohonan dari pengguna melalui <b>Borang Penyelenggaraan Sistem Aplikasi (USM 3/98)</b> untuk membuat perubahan pada sistem aplikasi.
Peg Sistem Maklumat	Buat kajian mengapa perubahan sistem perlu dilakukan. Kenal pasti masalah dan jenis penyelenggaraan yang terlibat sama ada ianya melibatkan penyelenggaraan data, sistem atau laporan.
Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan perubahan pada modul/ program yang telah dikenal pasti sahaja.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Install program yang berkenaan ke dalam sistem dan lakukan ujian sistem.
Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan perubahan pada manual-manual yang sedia ada seperti manual pengguna dan manual sistem.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Rekod tindakan yang telah diambil ke borang tersebut

### 6.2.3.17 Proses Pembinaan Pangkalan Data

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Kenal pasti maklumat-maklumat yang akan disimpan ke dalam database/fail. Senaraikan semua attribute mengikut table yang terlibat
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Kenal pasti penghubung antara tiap-tiap table dan lakukan pengawalan antara rekod-rekod tersebut.
Peg Sistem Maklumat	Lakukan kajian terhadap table tersebut. Maklumat kajian tersebut hendaklah meliputi: <ul style="list-style-type: none"><li>i. Nama table</li><li>ii. Tujuan table</li><li>iii. Elemen / attribute yang terlibat</li><li>iv. Jumlah saiz fail untuk setiap rekod</li><li>v. Jumlah rekod setahun</li></ul>
Pen Peg Sistem Maklumat	Bina Pangkalan Data
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Buat dokumentasi database.

### 6.2.3.18 Proses Penyelenggaraan Pengguna

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat	Menerima permintaan dari Ketua Bahagian/Unit untuk menambah / menarik balik capaian menggunakan <b>Borang Penyelenggaraan Pengguna (USM 4/98)</b> .
Peg Sistem Maklumat	Lakukan kajian/ perbincangan dengan ketua projek sistem yang berkaitan mengenai tahap keperluan/capaian untuk ditambah atau dikurangkan.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Ambil tindakan sama ada untuk menambah pengguna / capaian atau menarik balik pengguna /capaian.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Buat catitan dalam borang tersebut tindakan yang telah diambil.
Peg Sistem Maklumat	Buat surat kepada pemohon untuk memberitahu keputusan permohonan tersebut (Jika perlu).



### 6.2.3.19 Proses Membaikpulihan Perkakasan / Perisian

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat	Menerima laporan kerosakan / ralat pada peralatan komputer dari pengguna dengan menggunakan <b>Borang Penyelenggaraan Perkakasan/Perisian Komputer.</b>
Peg Sistem Maklumat	Jika ralat disebabkan kesalahan/ kesilapan pengguna, maka berikan latihan/penerangan secukupnya kepada pengguna tersebut supaya pengguna boleh menggunakan perkakasan/perisian dengan baik.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika ralat itu adalah ralat perkakasan, lakukan langkah-langkah berikut : d) Sekiranya masih mempunyai tempoh jaminan pembelian/ pembaikan maka hubungi pembekal untuk membuat pembaikan perkakasan. e) Sekiranya telah tamat tempoh jaminan lakukan pembetulan perkakasan. f) Sekiranya perkakasan tidak dapat diperbaiki, semak peruntukan yang ada dan buat penggantian peralatan
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika ralat itu adalah ralat sistem aplikasi, lakukan perubahan dan pembetulan terhadap aplikasi sistem, rujuk kepada <b>Proses Peningkatan /Perubahan Perisian Sistem.</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan ujian perkakasan /aplikasi dengan pengguna.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Rekodkan tindakan penyelesaian masalah tersebut ke dalam borang tersebut tentang keputusan yang telah diperolehi.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	a) Jika peralatan komputer IPL, rekodkan penyelenggaraan peralatan ke dalam <b>Buku Daftar Harta Modal (Kew .312)</b> dan b) Jika peralatan Wilayah, maklumkan ke Wilayah untuk tindakan selanjutnya.

### 6.2.3.20 Proses Pembangunan Aturcara

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Pen Peg Sistem Maklumat	Menerima arahan dari Pegawai Sistem Maklumat untuk membuat aturcara terhadap spesifikasi sistem yang telah dicadangkan.
Pen Peg Sistem Maklumat	Buat kajian tentang spesifikasi keperluan sistem dan pemrograman aturcara.
Pen Peg Sistem Maklumat	Pecahkan sistem tersebut kepada beberapa modul-modul yang lebih kecil.
Pen Peg Sistem Maklumat	Buat logaritma untuk setiap modul dan binakan carta aliran program.
Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan pengkodan sistem.
Pen Peg Sistem Maklumat	"Compile" dan lakukan ujian untuk setiap modul. Sekiranya terdapat ralat/kesilapan pada pengkodan aturcara, buat perubahan atur cara.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Gabungkan dan lakukan ujian untuk keseluruhan integrasi modul. Sekiranya terdapat ralat dalam sistem, lakukan semakan di mana kesilapan berlaku dan lakukan pembetulan pada kesilapan tersebut.

### 6.2.3.21 Proses Backup

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat	Menyediakan <b>Jadual Backup</b> untuk semua sistem aplikasi yang perlu untuk di 'backup'. Jadual ini hendaklah mengandungi tarikh, masa backup, nama sistem serta unit / bahagian yang terlibat.
Pen Peg Sistem Maklumat	Pastikan hari untuk membuat backup sistem. Backup hendaklah dilakukan pada hari-hari yang ditentukan sekiranya hari backup jatuh pada hari cuti umum maka proses backup seharusnya dibuat pada hari sebelumnya.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Sediakan media-media backup yang sesuai dan secukupnya untuk melakukan backup. Backup harus disimpan dalam 2 (dua) set dan 3 (tiga) generasi.
Pen Peg Sistem Maklumat	Buat catatan dalam pelekat media backup di mana maklumat penting dinyatakan dalam media tersebut. Butiran maklumat penting yang harus dicatat termasuk Nama Sistem, ID Cakera, tarikh, masa dan volume yang terlibat.
Pen Peg Sistem Maklumat	Masukkan catatan dalam <b>Buku Backup / Restore Sistem</b> .
Pen Peg Sistem Maklumat	Simpan media backup tersebut di tempat yang selamat. Satu salinan backup akan disimpan di Bilik Komputer, manakala satu salinan lagi akan disimpan di luar kawasan. Tempat simpanan akan ditukar dari semasa ke semasa.

### 6.2.3.22 Proses Restore Sistem/Data

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Kenal pasti keperluan untuk restore fail/ direktori tertentu. Catatkan rekod dalam <b>Buku Backup/ Restore Sistem</b> .
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Semak catatan dalam <b>Buku Backup/ Restore Sistem</b> untuk mengenal pasti tarikh dan media backup yang mengandungi fail/direktori tersebut. Cari media backup media yang berkenaan.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Semak data dalam media backup untuk memastikan fail/direktori yang diperlukan terkandung dalam media tersebut.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Restore fail/direktori kedalam ruang storan sementara. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan kemusnahan salinan fail yang mempunyai nama yang sama ke dalam cakera keras.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan semakan dalam ruang storan sementara bahawa fail/direktori yang telah direstorekan.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Salinkan semua fail/direktori yang betul ke dalam direktori sistem yang sebenarnya. Hapuskan direktori yang sementara yang diwujudkan dalam storan sementara.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Catitkan dan sahkan bahawa semua fail/direktori telah direstorekan.

### 6.2.3.23 Proses Start-Up LAN/WAN

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Mulakan operasi UPS (Uninterruptible Power Supply)
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Mulakan Pendingin Udara di bilik komputer. Tunggu sehingga suhu bilik telah stabil. Komputer biasanya tidak boleh mengalami perubahan suhu yang besar.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Mulakan operasi peralatan network seperti MODEM, Hub dan sebagainya.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Mulakan operasi server dimulai dengan server utama “ <b>Marine</b> ” dan diikuti dengan server aplikasi “ <b>Marine 1</b> ”. Mulakan operasi <b>Proxy Server</b>

#### 6.2.3.24 Proses Shutdown LAN / WAN

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Kenal pasti server-server yang perlu untuk ditutupkan.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Semak bahawa semua pengguna tidak menggunakan server yang terlibat untuk ditutup. Sekiranya terdapat pengguna, berikan amaran bahawa sistem akan ditutup dalam suatu jangka masa yang tertentu.
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Tamatkan operasi server yang berkenaan.

### 6.2.3.25 Penyelenggaraan Rangkaian

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima aduan masalah rangkaian
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Troubleshoot masalah rangkaian - PC/Kabel/WAN
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Laksanakan baik pulih rangkaian berdasarkan troubleshoot yang dibuat
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika tidak dapat diperbaiki, semak peruntukan dan jika mencukupi, dapatkan pesanan kerajaan dan hubungi pembekal
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Selia kerja oleh pembekal dan sahkan kerja yang dijalankan dan uruskan pembayaran
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Rekod kerja penyelenggaraan yang dijalankan/ pembaikan yang dijalankan

### 6.2.3.26 Penyelenggaraan Pengguna E-Mel

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Ketua Penolong Pengarah, Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima borang permohonan E-Mel
Pen Peg Sistem Maklumat	Daftar pengguna dalam Server E-Mel
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Maklumkan nama pengguna dan kata laluan E-Mel kepada pemohon
Pen Peg Sistem Maklumat	Set PC pemohon untuk mencapai E-Mel
Pen Peg Sistem Maklumat	Jalankan ujian pada PC untuk menguji capaian E-Mel
Pen Peg Sistem Maklumat	Hapuskan nama pengguna jika telah bertukar/ berhenti



### 6.2.3.27 Penyelenggaraan Servis E-Mel

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Periksa prestasi Servis E-Mel
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Buat troubleshoot masalah prestasi Server E-Mel
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Lakukan baik pulih / patch-up Server E-Mel
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Buat ujian prestasi pada Server E-Mel
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika tidak dapat diselesaikan, semak peruntukan.jika mencukupi dapatkan pesanan kerajaan serta hubungi pembekal
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Selia baik pulih yang dilakukan oleh pembekal dan sahkan kerja-kerja yang dilaksanakan dan uruskan pembayaran

### 6.2.3.28 Penghapusan Virus dan Spam

<b>Jawatan</b>	<b>Proses</b>
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Terima aduan laporan/kesan kewujudan virus dan spam dalam server rangkaian dan PC
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Laksanakan penghapusan virus dan spam dan buat pemasangan anti-virus / anti-spam
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika tidak berjaya, semak peruntukan dan jika mencukupi dapatkan pesanan kerajaan serta hubungi pembekal
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Rekod penyelenggaraan /pemasangan yang telah dijalankan

### 6.2.3.29 Keselamatan Komputer, Rangkaian dan Data

Jawatan	Proses
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Buat pemeriksaan dan pemantauan keselamatan server, rangkaian dan data secara berkala
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Analisa log fail dan kesan jika ada cubaan pencerobohan
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Ambil tindakan pencegahan - ketatkan capaian peralatan /servis /port atau lakukan patch sistem operasi
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jika tidak dapat diselesaikan semak peruntukan dan jika mencukupi dapatkan pesanan kerajaan serta hubungi pembekal
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Jalankan ujian ke atas tindakan pencegahan yang dijalankan sehingga berjaya
Peg Sistem Maklumat, Pen Peg Sistem Maklumat	Selia kerja oleh pembekal dan sahkan kerja yang dijalankan dan uruskan pembayaran
Pen Peg Sistem Maklumat	Rekod kerja yang dijalankan/pembaikan yang dibuat

## 6.3 Bahagian Kawalan Industri

### 6.3.1 Unit Penguatkuasaan ISPS Kod

#### 6.3.1.1 Urusan Pengeluaran Sijil Statement of Compliance di bawah Kod ISPS

Jawatan	Proses
PL 1 Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Terima permohonan daripada kemudahan pelabuhan (pemohon) bersama-sama dengan dokumen laporan penilaian dan pelan sekuriti dan maklumkan kepada KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code
KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Melantik Lead Auditor, Auditor dan keluarkan arahan untuk menjalankan semakan laporan penilaian sekuruti, pelan sekuriti serta auditan verifikasi
Lead Auditor	Membuat semakan laporan penilaian sekuriti bersama dengan wakil kemudahan pelabuhan. Mengemukakan laporan semakan kepada pemohon. Sekiranya terdapat kekurangan, maklumkan kepada pemohon untuk dibuat pembetulan.
Lead Auditor	Membuat semakan pelan sekuriti bersama dengan wakil kemudahan pelabuhan. Mengemukakan laporan semakan kepada pemohon sekiranya terdapat kekurangan, maklumkan kepada pemohon untuk dibuat pembetulan
Lead Auditor	Menjalankan auditan verifikasi ke atas kemudahan pelabuhan. Mengemukakan laporan verifikasi kepada pemohon, sekiranya terdapat kekurangan, maklumkan kepada pemohon untuk langkah-langkah pembetulan
Lead Auditor	Menyediakan semakan laporan dokumen penilaian dan pelan sekuriti serta auditan verifikasi untuk dikemukakan kepada KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code bersama-sama dengan cadangan supaya sijil Statement Of Compliance (SOC) dikeluarkan.
KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Keluarkan arahan kepada PL1 untuk pengeluaran sijil SOC.
PL 1 Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Menyediakan sijil SOC dan kemukakan kepada KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code untuk semakan.
KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Semak dan endos sijil yang dicetak untuk tandatangan Ketua Pengarah Laut.

KP	Tandatangan Sijil SOC
PT Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Sediakan Bil Bayaran
PT Kewangan	Urusan terima bayaran hasil
PT Penguatkuasaan ISPS Code	Catat nombor resit setelah bayaran dibuat dan serahkan Sijil kepada pemohon. Simpan rekod.

## 6.3.1.2

**Urusan Verifikasi Tidak berjadual dan Pengendosan Sijil  
Statement of Compliance di bawah Kod ISPS**

Jawatan	Proses
PL 1 Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Menyediakan program verifikasi tidak berjadual dan mencadangkan pelantikan Lead Auditor dan Auditor
KPP Unit Penguatkuasaan ISPS Code	Menyemak program dan cadangan pelantikan Lead Auditor dan Auditor
PBKI	Menyemak dan meluluskan program dan pelantikan Lead Auditor dan Auditor
Lead Auditor	Menjalankan auditan verifikasi ke atas kemudahan. Mengemukakan laporan verifikasi kepada Port Facility Security Officer (PFSO) kemudahan pelabuhan. Sekiranya terdapat kekurangan, maklumkan kepada PFSO untuk mengambil tindakan pembetulan.
Lead Auditor	Menyemak tindakan pembetulan yang dikemukakan oleh PFSO. Sekiranya perlu, lawatan kali kedua dibuat ke atas kemudahan tersebut. Cadangan /ulasan bagi tujuan pengendosan dikemukakan kepada PL 1.
